

BAB 3

ANALISIS KANDUNGAN FIQH ‘IBADAH DALAM KITAB *FURŪ‘ AL-MASĀ’IL*

3.1 PENGENALAN

Penulisan berbahasa Melayu dalam perundangan Islam atau fiqh yang lengkap dalam bidang ‘ibadah telah dimulakan oleh Syeikh Nuruddin al-Raniri pada abad ke-11H/17M. Karya dalam perundangan Islam yang berikutnya hanya terhasil 150 tahun kemudian oleh Syeikh Muhammad Arshad al-Banjari. Ia juga dalam bidang fiqh ‘ibadah.¹ Hal ini menunjukkan bahawa pengetahuan tentang fiqh ‘ibadah adalah sangat dipentingkan dalam pengajian hukum Islam di rantau Nusantara. Bukan sahaja pada zaman permulaan kedatangan Islam malah kecenderungan itu berterusan sehingga kini.

Justeru, pengkaji berpendapat penyelidikan tentang pemikiran hukum Syeikh Daud dalam fiqh ‘ibadah ini adalah sangat penting memandangkan ‘ibadah merupakan satu aspek yang sangat dipentingkan oleh semua umat Islam. Dapatkan kajian ini diharapkan dapat membuka mata dan minda, dan membawa perspektif baharu kepada kalangan umat Islam khususnya di Malaysia terhadap ketokohan dan kewibawaan ulama silam seperti Syeikh Daud yang selama ini kurang diberi perhatian.

3.2 RINGKASAN SUSUNAN TAJUK DAN SUBTAJUK FIQH ‘IBADAH DALAM KITAB *FURŪ‘ AL-MASĀ’IL*

Kitab *Furū‘ al-Masā’il* yang menjadi rujukan pengkaji ialah naskhah yang diterbitkan oleh Maṭba‘ah Bin Ḥalabī di Patani, Thailand, tanpa tarikh terbitan dan

¹ Abdul Kadir bin Haji Muhammad (1996), *Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 22 dan 29.

edisi cetakan. Editor bagi kitab *Furū‘ al-Masā‘il* dalam terbitan ini ialah Uthman Šaleh al-Azhari. Dalam penerbitan ini, kitab *Furū‘ al-Masā‘il* mempunyai dua jilid dengan 663 halaman. Jilid pertama mempunyai 274 halaman dan jilid kedua pula mengandungi 389 halaman. Jadual di bawah adalah ringkasan susunan tajuk dan subtajuk fiqh ‘ibadah yang terdapat dalam jilid pertama kitab *Furū‘ al-Masā‘il*. Penyusunannya dimulai dengan *kitāb al-Tahārah* (Bersuci) dan diakhiri dengan *kitāb al-Šayd wa al-Dhabā‘ih* (Perburuan dan Penyembelihan).

Jadual 3.1:
Susunan Tajuk dan Sub Tajuk Fiqh ‘Ibadah dalam Kitab *Furū‘ al-Masā‘il*,
Jilid 1, h. 15-274.

BIL.	TAJUK	MUKA SURAT	SET SOALAN-JAWAPAN
1	Kitāb al-Tahārah (Bersuci)	15	20
	1.1 Bāb al-Ijtihād wa al-Awānī (Ijtihad dalam Bersuci dan Bekas)	19-21	10
	1.2 Bāb Asbāb al-Hadath (Sebab-sebab Berlaku Hadas)	21-25	20
	1.3 Bāb Adāb Qādā‘ al-Hājah wa al-Istinjā‘ (Adab Buang Air dan Istinjak)	25-27	15
	1.4 Bāb al-Wuḍū‘ (Wuduk)	27-31	12
	1.5 Bāb Mash Al-Khuffayn (Menyapu <i>Khuf</i>)	31-32	6
	1.6 Bāb al-Ghusl (Mandi Wajib)	33-35	21
	1.7 Bāb al-Najāsah (Najis)	36-41	32
	1.8 Bāb fī al-Tayammum (Tayamum)	41-46	25
	1.9 Bāb al-Ḥayd (Haid)	46-49	14
2	Kitāb al-Šalāh (Solat)	49	20
	2.1 Bāb al-Adhān (Azan)	55-59	19
	2.2 Bāb al-Istiqbāl (Menghadap Kiblat)	59-61	4
	2.3 Bāb Sifah al-Šalāh (Tatacara Solat)	61-75	61
	2.4 Bāb Shurūt al-Šalāh (Syarat-syarat Sah Solat)	75-86	61
	2.5 Bāb Sujūd al-Sahwī (Sujud Sahwi)	86-89	26
	2.6 Bāb fī Sujūd al-Tilāwah wa al-Shukr (Sujud Tilawah dan Sujud Syukur)	90-92	11
	2.7 Bāb Ṣalāh al-Nafl (Solat Sunat)	92-97	44
	2.8 Bāb Ṣalāh al-Jamā‘ah (Solat Berjemaah)	98-110	80
	2.9 Bāb Ṣalāh al-Musāfir (Solat Musafir)	110-114	24
	2.10 Bāb Ṣalāh al-Jumu‘ah (Solat Jumaat)	114-127	62
	2.11 Bāb fī Ṣalāh al-Khawf (Solat <i>Khauf</i>)	127-129	11
	2.12 Bāb fī Taḥrīm Lubs al-Ḥarīr (Pengharaman)	129-132	17

BIL.	TAJUK	MUKA SURAT	SET SOALAN-JAWAPAN
	Memakai Sutera)		
	2.13 Bāb Ṣalāh al-‘Īdayn (Solat Dua Hari Raya)	132-138	29
	2.14 Bāb Ṣalāh al-Kusūfayn (Solat Gerhana Matahari dan Gerhana Bulan)	138-142	18
	2.15 Bāb Ṣalāh al-Istisqā’ (Solat Memohon Hujan)	142-147	19
	2.16 Bāb Aḥkām Tārik al- Ṣalāh (Hukum bagi Orang yang Meninggalkan Solat)	148-150	8
3	Kitāb al-Jana’iz (Jenazah)	150-157	33
	3.1 Faṣl fī Takfīn al-Mayyit wa Ḥamlih (Mengafani dan Mengusung Jenazah)	157-164	28
	3.2 Faṣl fī Ṣalāh al-Mayyit (Solat Jenazah)	164-175	43
	3.3 Faṣl fī Dafn al-Mayyit wa mā Yata‘allaq bih (Mengebumikan Jenazah dan Perkara yang Berkaitan dengannya)	175-184	34
4	Kitāb al-Zakāh (Zakat)	184-189	26
	4.1 Bāb Zakāh al-Nābit (Zakat Tanaman)	189-195	22
	4.2 Bāb Zakāh al-Dhahab wa al-Fidḍah (Zakat Emas dan Perak)	195-200	28
	4.3 Bāb Zakāh al-Ma‘dan wa al-Rikāz wa al-Tijārah (Zakat Galian, Harta Karun dan Perniagaan)	200-204	20
	4.4 Bāb Zakāh al-Fiṭr (Zakat Fitrah)	204-208	18
	4.5 Bāb man Talzimuh Zakāh al-Māl wa ma Tajib fīh (Orang yang Wajib Mengeluarkan Zakat Harta dan Harta yang Wajib Dibayar Zakatnya)	207-208	5
	4.6 Bāb Zakāh al-Māl (Zakat Harta)	208-209	7
	4.7 Bāb Ta‘jīl al-Zakāh (Menangguhkan Pembayaran Zakat)	209-211	10
5	Kitāb al-Ṣawm (Puasa)	211-221	58
	5.1 Bāb Ṣawm al-Taṭawwū‘ (Puasa Sunat)	221-222	8
6	Kitāb al-I‘tikāf (Iktikaf)	222-225	14
7	Kitāb al-Hajj wa al-‘Umrah (Haji dan Umrah)	225-229	21
	7.1 Bāb al-Mawāqīt (Miqat)	229-232	11
	7.2 Bāb al-Iḥrām (Ihram)	232-233	11
	7.3 Bāb Ṣifah al-Nusuk (Ciri-ciri Ibadat Haji)	233-239	5
	7.3.1 Faṣl fī mā Yuṭlab fī al-Tawāf (Perbuatan yang Dituntut Ketika Tawaf)	235-239	22
	7.3.2 Faṣl fī al-Wuqūf bi ‘Arafah (Wukuf di ‘Arafah)	239-249	53
	7.4 Bāb Ma ḥarram bi al-Iḥrām (Larangan Ketika Berihram)	249-258	53
	7.5 Bāb al-Iḥṣār wa al-Fawāt (Terhalang dan Terlepas Wuquf)	258-260	11

BIL.	TAJUK	MUKA SURAT	SET SOALAN-JAWAPAN
8	Kitāb al-Adhiyah (Korban)	260-265	26
	8.1 Bāb fī al-Nasīkah (Akikah)	265-267	7
9	Kitāb al-At‘imah (Makanan)	267-271	19
10	Kitāb al-Šayd wa al-Dhabā’ih (Perburuan dan Penyembelihan)	271-274	20

Penyusunan tajuk dan subtajuk fiqh ‘ibadah dalam kitab *Furū‘ al-Masā‘il* ini didapati ada persamaan dengan susunan tajuk dan subtajuk fiqh ‘ibadah dalam kitab-kitab rujukan utama fiqh mazhab Syafii pada zaman taklid seperti *Minhāj al-Tālibīn*², *Tuhfah al-Muhtāj*,³ *Nihāyah al-Muhtāj*,⁴ *Mughnī al-Muhtāj*⁵ dan *Manhaj al-Tullāb*⁶.

Sebagai rumusannya, tajuk dan subtajuk dalam fiqh ‘ibadah dalam kitab *Furū‘ al-Masā‘il* ini dapat yang dikategorikan kepada 10 *kitāb* iaitu *Kitāb al-Tahārah* (9 *bāb*), *Kitāb al-Šalāh* (16 *bāb*), *Kitāb al-Janā‘iz* (3 *faṣal*), *Kitāb al-Zakāh* (7 *bāb*), *Kitāb al-Šawm* (1 *bāb*), *Kitāb al-I‘tikāf*, *Kitāb al-Hajj wa al-‘Umrah* (5 *bāb*, 2 *faṣal*), *Kitāb al-Adhiyah* (1 *bāb*), *Kitāb al-At‘imah* dan *Kitāb al-Šayd wa al-Dhabā’ih*. Penyusunan tajuk dan subtajuk dalam dalam kitab *Furū‘ al-Masā‘il* ini pula adalah selaras dengan empat buah kitab fiqh yang menjadi rujukan utama dalam mazhab Syafii pada zaman taklid.

² Muhy al-Dīn Abū Zakariyā Yahyā bin Sharaf al-Nawawī (2000), *Minhāj al-Tālibīn*. Bayrūt: Dār al-Bashā‘ir al-Islāmiyyah.

³ Shaykh al-Islām Shihāb al-Dīn Abī al-‘Abbās Aḥmad bin Muḥammad bin ‘Alī bin Ḥajar al-Haytamī (2010), *Tuhfah al-Muhtāj bi Sharḥ al-Minhāj*. ‘Abd Allāh Maḥmūd Muḥammad ‘Umar (ed.), j. 1, c. 3. Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmīyyah.

⁴ Shams al-Dīn Muḥammad bin Abī al-‘Abbās Aḥmad bin Ḥamzah bin Shihāb al-Dīn al-Ramlī (1993), *Nihāyah al-Muhtāj ilā Sharḥ al-Minhāj fī al-Fiqh ‘alā Madhhab al-Imām al-Shāfi‘ī*, j. 3, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmīyyah.

⁵ Shaykh Shams al-Dīn Muḥammad bin al-Khaṭīb al-Sharbīnī (1997), *Mughnī al-Muhtāj ilā Ma‘rifah Ma‘ānī Alfāz al-Minhāj*. Muhammad Khalīl ‘Aytānī (ed.), j. 1. Bayrūt: Dār al-Ma‘rifah.

⁶ Shaykh al-Islām Abū Yaḥyā Muḥammad bin Aḥmad bin Zakariyā al-Anṣārī (1997), *Manhaj al-Tullāb fī Fiqh al-Imām al-Shāfi‘ī*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmīyyah.

3.3 RUMUSAN KANDUNGAN FIQH ‘IBADAH DALAM KITAB *FURŪ’*

AL-MASĀ’IL

3.3.1 *Kitāb al-Tahārah* (Bersuci)

Kitāb al-Tahārah mengandungi sembilan *Bāb* dan 175 set soal-jawab. Dalam *Kitāb al-Tahārah* ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hukum-hakam berkaitan bersuci. Dalam hal ini, pengkaji dapat menyimpulkan **empat** aspek perbincangan fiqh ‘ibadah Syeikh Daud mengenai bersuci.

Aspek yang **pertama** adalah berkaitan dengan air yang suci dan menyucikan. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang air yang paling baik di dunia dan akhirat, hukum menggunakan air zamzam untuk bersuci, hukum menggunakan air mutlak yang bercampur dengan bendasing hingga berubah sifatnya, hukum menggunakan air yang diukupi dengan asap sehingga berubah bau, rasa atau warnanya, hukum menggunakan air yang ada tahi binatang tetapi tidak dapat dipastikan sama ada air itu cukup dua *qullah* atau tidak, kaedah menghubungkan dua lopak air untuk menjadikannya cukup dua *qullah*, hukum air yang bercampur dengan najis yang dimaafkan, dan hukum mencampurkan air dengan cecair lain sehingga cukup dua *qullah*.

Aspek yang **kedua** adalah berkaitan dengan air yang suci dan menyucikan tetapi makruh menggunakannya. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan mengenai jenis-jenis air yang makruh digunakan, kesan buruk air *mushammas*, dan hukum menggunakan air *mushammas* yang disejukkan.

Aspek yang **ketiga** adalah berkaitan dengan air yang suci tetapi tidak menyucikan. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan mengenai hukum menggunakan air di dalam bekas jika seseorang itu mencelup jari ke dalamnya sama ada secara sengaja atau tidak, hukum menggunakan air lebih wuduk untuk mandi

sunat, dan hukum menggunakan air yang terpercik ke dalamnya air yang digunakan untuk membasuh anggota wuduk.

Aspek yang **keempat** adalah berkaitan dengan air mutanajis. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hukum menggunakan air di dalam bekas yang dipatuk ayam yang sebelum itu telah mematuk najis mughallazah, dan hukum menggunakan air yang kurang dua *qullah* yang telah dijilat oleh anjing.

3.3.1.1 *Bāb al-Ijtihād wa al-Awānī* (Ijtihad dalam Bersuci dan Bejana)

Bāb al-Ijtihād wa al-Awānī merupakan subtajuk yang pertama dalam *Kitāb al-Tahārah*. *Bāb al-Ijtihād wa al-Awānī* membincangkan tentang hukum-hakam berijtihad dalam bersuci dan bejana. Dalam hal ini, pengkaji dapat menyimpulkan **dua** aspek perbincangan fiqh ‘ibadah Syeikh Daud mengenai ijtihad dalam bersuci dan bejana.

Aspek yang **pertama** adalah berkaitan dengan ijtihad dalam bersuci. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan berkenaan hukum berijtihad untuk memilih antara benda yang suci dan benda yang bernajis, hukum ijtihad seorang buta dalam menentukan kesucian air, hukum berpegang kepada pendapat seseorang yang boleh dipercayai tentang kesucian sesuatu benda, dan hukum berpegang kepada ikrar seorang fasiq atau kanak-kanak tentang kenajisan sesuatu benda.

Aspek yang **kedua** adalah berkaitan dengan bejana. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hukum menggunakan bejana yang disadur dengan emas dan perak, hukum menggunakan bejana yang kunci penutupnya dibuat daripada perak, hukum menutup bejana menggunakan kain sutera, dan hukum menggunakan bejana yang diperbuat daripada tulang anjing atau babi untuk mengisi benda-benda kering.

3.3.1.2 *Bāb Asbāb al-Hadath* (Sebab-sebab Berlaku Hadas)

Bāb Asbāb al-Hadath merupakan subtajuk kedua dalam *Kitāb al-Tahārah*. *Bāb Asbāb al-Hadath* membincangkan tentang hukum-hakam berkenaan sebab-sebab berlaku hadas. Dalam hal ini, pengkaji dapat menyimpulkan **dua** aspek perbincangan fiqh ‘ibadah Syeikh Daud tentang sebab-sebab berlaku hadas.

Aspek yang **pertama** adalah berkaitan dengan perkara-perkara yang membatalkan wuduk. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan mengenai beberapa perkara yang berkemungkinan boleh menyebabkan wuduk seseorang itu batal. Antara contohnya ialah menyentuh kemaluan binatang, tidur yang tidak tetap punggung, keluar sesuatu daripada lubang yang dibuat bagi menggantikan lubang qubul atau dubur yang tersumbat, bermimpi tetapi tidak pasti sama ada dia tidur atau tidak, bertukar menjadi binatang, menyentuh wanita atau lelaki ajnabi yang bertukar menjadi binatang, seorang lelaki menyentuh zakar khunsa, seorang perempuan menyentuh perempuan bukan Islam, seorang lelaki menyentuh jin perempuan, seorang lelaki menyentuh zakarnya yang hancur dicincang, seorang lelaki yang tersentuh kulit perempuan yang tidak dapat dipastikan sama ada perempuan itu mahramnya atau bukan, menyentuh zakar atau faraj janin yang belum ditiupkan roh, menyentuh dubur dengan jari palsu, menyentuh zakar ketika berada di dalam air, menyentuh isteri yang merupakan saudara sesusu yang tidak mengharamkan perkahwinan, dan perempuan mengandung yang terkeluar separuh anggota badan anak yang dikandungnya.

Aspek yang **kedua** adalah berkaitan dengan menyentuh dan membawa mashaf al-Quran. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan mengenai hukum menyentuh al-Quran yang dijilid bersama sebuah buku biasa, hukum menyentuh

kulit mashaf al-Quran yang digunakan semula sebagai kulit buku biasa, hukum membawa mashaf bersama barang-barang lain tanpa wuduk, hukum meletakkan sesuatu di atas mashaf al-Quran, hukum orang yang berjunub membawa bekas yang berisi pelbagai barang termasuk al-Quran, dan hukum orang yang berhadas menyentuh mashaf al-Quran yang mempunyai tulisan lain di dalamnya.

3.3.1.3 *Bāb Adāb Qādā' al-Hājah wa al-Istinjā'* (Adab Buang Air dan Istinjak)

Bāb Adāb Qādā' al-Hājah wa al-Istinjā' merupakan sub tajuk ketiga dalam *Kitāb al-Tahārah*. *Bāb Adāb Qādā' al-Hājah wa al-Istinjā'* membincangkan tentang hukum-hakam dalam adab buang air dan istinjak. Dalam hal ini, pengkaji dapat menyimpulkan **dua** aspek perbincangan fiqh ‘ibadah Syeikh Daud tentang adab buang air dan istinjak.

Aspek **pertama** adalah berkaitan dengan adab buang air. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hukum buang air secara menghadap kiblat atau membelakangkannya, hukum membawa tulisan zikir masuk ke dalam tandas, hukum membaca al-Quran ketika buang air, hukum buang air secara menghadap kiblat kerana bimbang terkena najis, hukum buang air di tempat maksiat, dan akibat tidak membaca doa ketika masuk ke tandas.

Aspek yang **kedua** adalah berkaitan dengan istinjak. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang konsep istinjak, hukum mendedahkan aurat ketika beristinjak, hukum mendahulukan istinjak sebelum berwuduk bagi orang yang mempunyai masalah kencing tak lawas, hukum beristinjak menggunakan arang atau kulit banatang yang telah disamak, had percikan najis yang mengharuskan istinjak, hukum beristinjak apabila keluar mazi, wadi atau mani yang memercik keluar dan terkena anggota badan yang lain, hukum buang air dua kali dengan sekali istinjak,

hukum istinjak dengan cara menyentuh batu di tempat keluar najis tanpa menggosoknya, hukum istinjak dengan tangan yang tertulis ayat-ayat suci (seperti ayat al-Quran dan zikir), hukum menggunakan batu yang haram (yang dicuri atau hak milik orang lain) untuk beristinjak, hukum beristinjak menggunakan batu yang basah, dan cara beristinjak jika seseorang itu tidak menemui alat yang boleh digunakan untuk istinjak.

3.3.1.4 *Bāb al-Wuḍū'* (Wuduk)

Bāb al-Wuḍū' merupakan subtajuk keempat dalam *Kitāb al-Tahārah*. *Bāb al-Wuḍū'* membincangkan tentang hukum-hakam mengenai wuduk. Dalam hal ini, pengkaji dapat menyimpulkan **tiga** aspek perbincangan fiqh ‘ibadah Syeikh Daud mengenai wuduk.

Aspek yang **pertama** adalah berkaitan dengan syarat-syarat sah wuduk. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan mengenai hukum wuduk bagi seseorang yang tidak pasti sama ada dia berhadas atau tidak, hukum wuduk jika terdapat cecair seperti minyak pada anggota wuduk, hukum wuduk jika terdapat duri pada anggota wuduk yang dapat dirasa tapi tidak dapat dilihat, dan hukum bagi seseorang yang sentiasa dalam keadaan berhadas (kerana penyakit) untuk berwuduk dengan niat mengangkat hadas.

Aspek yang **kedua** adalah berkaitan dengan fardu wuduk. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan mengenai konsep membasuh anggota wuduk, hikmah wuduk dan kaitannya dengan solat, perbezaan antara rukun dan fardu dalam wuduk dan solat, hukum berniat setiap kali membasuh anggota wuduk, dan hukum niat wuduk untuk mengerjakan satu solat sahaja.

Aspek yang **ketiga** adalah berkaitan dengan sunat-sunat wuduk. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang waktu disunatkan bersugi, hukum mendahuluikan memasukkan air ke dalam hidung sebelum berkumur-kumur dalam wuduk, hukum menggunakan jari untuk membersihkan gigi (dianggap sebagai bersugi), cara-cara bersugi yang baik, kelebihan membaca doa selepas wuduk, dan hukum membaca surah *al-Qadr* selepas wuduk.

3.3.1.5 Bāb Mash al-Khuffayn (Menyapu Dua Khuf)

Bāb Mash al-Khuffayn merupakan subtajuk kelima dalam *Kitāb al-Tahārah*. *Bāb Mash al-Khuffayn* membincangkan tentang hukum-hakam berkaitan menyapu kedua-dua *khuf*. Dalam hal ini, pengkaji dapat menyimpulkan **empat** aspek perbincangan fiqh ‘ibadah Syeikh Daud tentang menyapu kedua-dua *khuf*.

Aspek yang **pertama** adalah berkaitan syarat-syarat menyapu kedua-dua *khuf*. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hukum orang yang berihram menyapu *khuf*, hukum menyapu *khuf* bagi orang yang mempunyai lebih daripada dua kaki dan kesemuanya dipakaikan *khuf*, hukum bagi seorang bapa menyapu *khuf* yang dipakai oleh anaknya yang masih kecil, hukum menyapu *khuf* yang telah terkena najis (yang telah dibersihkan sebelumnya) atau rosak (yang telah dibaiki sebelumnya), dan hukum menyapu *khuf* kerana kesuntukan masa untuk bersolat.

Aspek yang **kedua** adalah berkaitan dengan tempoh menyapu *khuf*. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan mengenai cara mengira tempoh yang sah menyapu *khuf* bagi orang tidur terlalu lama (seperti melebihi tiga hari tiga malam).

Aspek yang **ketiga** adalah berkaitan dengan cara menyapu *khuf*. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan mengenai hukum membasahkan seluruh *khuf* dengan air.

Aspek yang **keempat** adalah berkaitan dengan perkara-perkara yang membatalkan sapuan *khuf*. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang tiga perkara yang boleh membatalkan sapuan, dan perkara yang perlu dilakukan oleh seseorang yang mengalami perkara-perkara yang boleh membatalkan sapuan *khuf*.

3.3.1.6 *Bāb al-Ghusl* (Mandi)

Bāb al-Ghusl merupakan subtajuk yang keenam dalam *Kitāb al-Tahārah*. *Bāb al-Ghusl* membincangkan mengenai hukum-hakam berkaitan mandi. Dalam hal ini, pengkaji dapat menyimpulkan **tiga** aspek perbincangan fiqh ‘ibadah Syeikh Daud mengenai mandi.

Aspek yang **pertama** adalah berkaitan dengan sebab-sebab yang mewajibkan mandi. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang beberapa persoalan sekitar sebab-sebab yang mewajibkan mandi. Antara contohnya⁷ yang bersifat futuristik dan agak pelik ialah masuk (seorang lelaki) ke dalam faraj perempuan bukan melalui persetubuhan, melahirkan anak melalui pembedahan, keguguran, memasukkan zakarnya yang telah dipotong (bukan melalui kepala zakarnya) ke dalam faraj dengan cara yang menyamai masuk kepala zakarnya, memasukkan zakar ke dalam faraj binatang atau dubur lelaki, khunsa yang bersetubuh dengan lelaki dan perempuan, memasukkan zakar mayat ke dalam faraj, memasukkan air mani lelaki ke dalam faraj, air mani keluar melalui saluran lain yang ditebuk pada anggota badan, dan keluar cecair dari kemaluan tetapi tidak pasti air mani atau wadi.

⁷ s. 82, h. 33

Aspek yang **kedua** adalah berkaitan perkara yang diharamkan ketika *janābah*. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan mengenai hukum orang berjunub yang memasuki masjid dengan tujuan untuk mandi mengangkat hadas *janābah*, kadar masa larangan orang yang berjunub berada di dalam masjid, hukum orang yang berjunub berada di dalam masjid yang sebahagian tapaknya milik seseorang, hukum orang yang berjunub membaca al-Quran dengan niat zikir, dan hukum orang berjunub yang memasuki masjid dengan menunggang binatang yang ditarik oleh seseorang.

Aspek yang **ketiga** adalah berkaitan dengan rukun mandi. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan mengenai hukum mandi *janābah* jika berniat untuk mandi hadas kecil, hukum mandi *janābah* seseorang jika terdapat najis mughallazah pada tubuhnya, hukum mandi *janābah* dalam keadaan rambut bersimpul atau bersanggul, dan hukum membasuh bahagian cuping telinga yang ditebuk lubang tetapi lubang itu tersumbat (yang tidak bertangkup semula) ketika mandi *janābah*.

3.3.1.7 *Bāb al-Najārah* (Najis)

Bāb al-Najārah merupakan subtajuk yang ketujuh dalam *Kitāb al-Tahārah*. *Bāb al-Najārah* membincangkan tentang hukum-hakam berkaitan najis. Dalam hal ini, pengkaji dapat menyimpulkan **tiga** aspek perbincangan fiqh ‘ibadah Syeikh Daud mengenai najis.

Aspek yang **pertama** adalah berkaitan unsur-unsur yang dikategorikan sebagai najis. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan mengenai hukum peluh dan air liur yang keluar daripada badan nabi Muhammad, dan para nabi dan rasul yang lain, hukum susu binatang, hukum cecair yang keluar daripada dubur, perbezaan antara cecair (yang keluar dari faraj) yang dianggap suci dan najis, hukum

saki-baki darah yang masih terdapat pada tulang, hukum air kencing dan muntah syaitan, hukum kahak dan muntah, hukum daki yang terdapat pada badan binatang tunggangan, hukum cuka yang berasal daripada arak yang sebelumnya telah dimasuki benda asing yang suci, hukum buah anggur yang dimasukkan ke dalam bekas yang berisi arak yang kemudiannya menjadi cuka, hukum cecair yang dimasuki tikus yang segera dikeluarkan daripada cecair itu, hukum kulit ‘pembalut kasturi’ yang tanggal daripada rusa atau kijang ketika binatang itu masih hidup, hukum keju yang dibuat daripada campuran susu beku yang diambil daripada perut anak kambing yang telah disembelih (yang telah makan makanan selain daripada susu ibunya), hukum hempedu binatang yang halal dimakan dagingnya, hukum kain yang dicelup dengan darah kijang yang telah dibasuh, hukum percikan air yang keluar dari sesuatu bekas terkena najis dan termasuk semula ke dalam bekas tersebut dan hukum air yang dicurahkan ke atas tempat yang bernajis.

Aspek yang **kedua** adalah berkenaan dengan cara menyucikan najis. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hukum kain yang terkena najis dibasuh dengan cara memasukkan kain tersebut ke dalam baldi lalu dijirus air secara berterusan sehingga tenggelam kain tersebut di dalam baldi, hukum baki air di tangan yang digunakan untuk mencedok air bagi membersihkan mulut yang terkena najis, hukum kesan inai pada jari-jari yang telah dibasuh yang sebelumnya diinaikan dengan inai yang bercampur air kencing, dan hukum kesan darah atau bau yang sukar dihilangkan walaupun telah dibasuh beberapa kali.

Aspek **ketiga** adalah berkaitan dengan najis mughallazah. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang kategori najis bagi tahi yang keluar daripada orang yang memakan babi, cara menyucikan najis mughallazah, hukum anak yang

dilahirkan oleh perempuan yang bersetubuh dengan anjing,⁸ hukum air di dalam bekas yang dicelup oleh orang yang telah memegang najis mughallazah, hukum kain (yang terkena najis mughallazah) dibasuh dengan cara merendamkannya di dalam air sungai yang keruh dan dikocak-kocakkan sebanyak tujuh kali, hukum menyamak tapak kaki yang memijak tanah basah yang telah dipijak anjing, hikmah menggunakan campuran di antara air dan tanah untuk membersihkan najis mughallazah, hukum menyucikan najis mughallazah dengan cara meletakkan seketul tanah atas tempat yang bernajis lalu dijirus air sebanyak tujuh kali, hukum membasuh tempat yang terpercik air basuhan yang digunakan untuk membasuh najis mughallazah, hukum isteri bermazhab Syafii menolak kemahuan seksual suami yang bermazhab Maliki kerana zakarnya bernajis, dan hukum menyamak zakar suami dan faraj isteri yang melakukan persetubuhan ketika zakar suami terdapat najis mughallazah.

3.3.1.8 *Bāb fī al-Tayammum* (Tayamum)

Bāb fī al-Tayammum merupakan subtajuk yang kelapan dalam *Kitāb al-Tahārah*. *Bāb fī al-Tayammum* membincangkan mengenai hukum-hakam berkaitan tayamum. Dalam hal ini, pengkaji dapat menyimpulkan **tiga** aspek perbincangan fiqh ‘ibadah Syeikh Daud mengenai tayamum.

Aspek yang **pertama** adalah berkaitan dengan syarat-syarat tayamum. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hukum membaca dua khutbah dengan satu tayamum, hukum bersolat pada awal waktu jika yakin mendapat air pada hujung waktu solat, hukum bertayamum dalam keadaan tubuh bernajis, hukum memberhentikan bacaan khutbah (dibaca oleh khatib yang bertayamum) apabila

⁸ Contoh ini agak pelik (s. 18, h. 38).

melihat air, hukum solat Jumaat diikuti solat Zuhur dengan satu tayamum, hukum membaca dua khutbah Jumaat dengan satu tayamum, hukum berkhutbah dan mengimami solat Jumaat dengan satu tayamum, hukum mengerjakan solat nazar yang melebihi dua rakaat dengan satu tayamum, hukum seseorang solat jamak dengan bertayamum tetapi tidak sempat menghabiskan solat yang kedua dalam waktunya, hukum tayamum bagi seorang kanak-kanak yang menjadi baligh sebelum sempat mengerjakan solat, hukum bertayamum untuk dua solat fardu, hukum solat bagi seseorang yang bertayamum untuk mengangkat hadas besar, hukum mengqada kelima-lima solat fardu dengan satu tayamum, dan kedudukan tayamum bagi seseorang yang tidak pasti telah masuk waktu atau belum.

Aspek yang **kedua** adalah berkaitan dengan sebab-sebab tayamum. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hukum bertayamum untuk mengangkat hadas besar kerana kesuntukan masa unruk menunaikan solat fardu, hukum bertayamum untuk menghormati waktu kerana tidak dapat menemui air di kawasan terdekat, hukum bertayamum jika terpaksa beratur (mengambil masa yang terlalu lama) untuk mendapatkan air, hukum bersolat pada awal waktu jika yakin tidak akan mendapat air dan tanah, hukum bertayamum kerana bimbangkan keselamatan keluarga jika terpaksa keluar rumah untuk mandi atau berwuduk, hukum mengqada solat bagi orang yang bertayamum bagi menggantikan anggota wuduk yang cedera, hukum mengqada solat bagi orang yang bertayamum kerana takut terjatuh ke dalam laut jika berwuduk, dan hukum mengqada solat bagi orang yang bertayamum kerana tidak mampu mendapatkan air (disebabkan sakit).

Aspek yang **ketiga** adalah berkaitan dengan rukun tayamum. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hukum tayamum bagi orang yang mempunyai dua wajah, hukum memperbaharui niat ketika memindahkan tanah untuk menyapu

kedua-dua tangan, dan hukum seseorang yang berniat tayamum untuk membaca khutbah tetapi mengerjakan solat Jumaat dengan tayamum berkenaan kerana tidak jadi membaca khutbah.

3.3.1.9 *Bāb al-Hayd* (Haid)

Bāb al-Hayd merupakan subtajuk yang kesembilan dalam *Kitāb al-Tahārah*. *Bāb al-Hayd* membincangkan mengenai hukum-hakam berkaitan haid. Dalam hal ini, pengkaji dapat menyimpulkan **tiga** aspek perbincangan fiqh ‘ibadah Syeikh Daud mengenai haid.

Aspek yang **pertama** adalah berkaitan konsep haid. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan mengenai hukum darah yang keluar melalui dubur dan kaedah mengenal pasti darah haid melalui ciri-cirinya.

Aspek yang **kedua** adalah berkaitan dengan tempoh haid. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan mengenai hukum darah yang keluar kurang daripada sehari semalam, hukum darah yang keluar secara berselang hari sehingga sebulan, hukum darah yang keluar selepas kedatangan haid selama tiga hari dan berhenti selama 12 hari, hukum darah yang keluar selepas keguguran, dan hukum darah yang keluar selepas 15 hari melahirkan anak.

Aspek yang **ketiga** adalah berkaitan dengan perkara yang diharamkan ketika haid. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan mengenai hukum bagi seorang perempuan yang kedatangan haid duduk di masjid untuk belajar, kedudukan ibadat puasa bagi perempuan yang kedatangan haid, hukum bersetubuh dengan isteri yang haid untuk mengelakkan zina, hukum mendahulukan onani daripada persetubuhan jika seorang suami (yang isterinya sedang haid) bimbang terlibat dengan zina, hukum

menyetubuhi isteri yang sudah kering haidnya tetapi belum mandi, dan kedudukan perempuan yang tidak dapat memastikan waktu haid dan bilangan harinya.

3.3.2 *Kitāb al-Ṣalāh* (Solat)

Kitāb al-Ṣalāh mengandungi 16 *Bāb* dan 514 set soal-jawab. Dalam *Kitāb al-Ṣalāh* ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hukum-hakam berkaitan solat. Dalam hal ini, pengkaji dapat menyimpulkan **tiga** aspek perbincangan fiqh ‘ibadah Syeikh Daud mengenai solat.

Aspek yang **pertama** adalah berkaitan dengan syarat-syarat sah solat. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hukum solat seseorang jika dia berasa syak tentang niat wuduknya, hukum seorang lelaki menutup auratnya dengan kain sutera ketika solat kerana tidak mempunyai kain lain untuk dipakai, hukum memanjangkan solat sehingga habis waktu, hukum solat bagi seorang musafir yang telah menunaikan solat fardu tertentu tetapi apabila tiba ke destinasiya didapati waktu solat berkenaan belum masuk, hukum bagi seorang musafir melewatkhan solat fardu untuk bersolat di destinasiya, cara menentukan waktu solat jika matahari terbit di sebelah barat, hukum bersolat berdasarkan ijтиhad masuk waktu solat, dan hukum berpegang kepada pendapat ahli falak untuk menetapkan waktu solat.

Aspek yang **kedua** adalah berkaitan dengan qada solat. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan mengenai hukum qada solat (yang pernah ditinggalkan) dalam keadaan tidak mengetahui jumlah sebenar solat yang pernah ditinggalkan, hukum mendahulukan solat qada daripada solat tunai jika waktu solat tunai hanya mencukupi untuk satu rakaat sahaja, hukum mendahulukan solat yang ditinggalkan kerana cuai daripada solat yang ditinggalkan kerana uzur, hukum mendahulukan solat qada daripada solat fardu berjemaah, hukum qada solat jika seseorang itu

merasa ragu (setelah waktu solat tamat) sama ada beliau telah bersolat atau belum, hukum qada solat sunat witir (bagi orang yang biasa melakukannya setiap malam) selepas solat subuh, hukum seorang muallaf (yang tidak mengamalkan ajaran Islam kerana jahil) mengqada solat yang ditinggalkan, hukum solat ketika waktu sangat suntuk (cuma sekadar setengah takbiratulihram sahaja), hukum perempuan yang haid, hukum orang gila dan orang kafir (setelah Islam) mengqada solat yang ditinggalkan, dan hukum melengah-lengahkan solat qada dengan azam untuk melakukannya.

Aspek yang **ketiga** adalah berkaitan dengan persoalan sekitar solat. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang cara bersolat ketika Dajal ada di bumi, hikmah rukun-rukun solat, hukum berazam berniat solat pada awal waktu jika sebelum ini seseorang itu suka melengah-lengahkan solat fardu, hukum melakukan solat sunat dalam waktu makruh, hukum membaca ayat *Sajadah* dan melakukan sujud Tilawah dalam waktu makruh, hukum menyuruh kanak-kanak menunaikan solat, dan hukum solat kanak-kanak yang baligh ketika sedang solat.

3.3.2.1 *Bāb al-Adhān* (Azan)

Bāb al-Adhān merupakan subtajuk yang pertama dalam *Kitāb al-Ṣalāh*. *Bāb al-Adhān* membincangkan tentang hukum-hakam yang berkaitan dengan azan. Dalam hal ini, pengkaji dapat menyimpulkan **dua** aspek perbincangan fiqh ‘ibadah Syeikh Daud berkaitan azan.

Aspek yang **pertama** adalah berkaitan syarat-syarat sah azan. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hukum azan dan iqamat bagi lelaki dan perempuan, hukum azan sebelum menunaikan solat fardu dan solat qada, hukum melaungkan azan tidak mengikut urutan lafaznya, hukum azan orang fasiq, hukum

kaum perempuan melaungkan azan untuk tujuan selain solat, hukum azan kanak-kanak yang belum mumaiyiz, dan hukum azan di atas kenderaan yang bergerak.

Aspek yang **kedua** adalah berkaitan persoalan-persoalan mengenai azan. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan mengenai hukum azan dilaungkan kepada orang yang amat dukacita dan orang yang amat jahat, orang yang pertama melaungkan azan, hikmah mengulangi lafaz kalimah syahadah dalam azan, perbezaan lafaz azan ketika cuaca tidak baik, hukum melagukan azan, hukum memberhentikan bacaan al-Quran apabila mendengar azan, hukum mengulangi lafaz kalimah syahadah ketika melaungkan azan pada telinga bayi, hukum mendahulukan solat *Taḥiyāt al-Masjid* daripada menjawab lafaz azan, cara menjawab lafaz azan, dan cara Rasulullah menyebut kalimah syahadah ketika azan.

3.3.2.2 *Bāb al-Istiqbāl* (Menghadap Kiblat)

Bāb al-Istiqbāl merupakan subtajuk yang kedua dalam *Kitāb al-Ṣalāh*. *Bāb al-Istiqbāl* membincangkan tentang hukum-hakam yang berkaitan dengan menghadap kiblat. Dalam hal ini, pengkaji dapat menyimpulkan **dua** aspek perbincangan fiqh ‘ibadah Syeikh Daud mengenai menghadap kiblat.

Aspek yang **pertama** adalah berkaitan dengan cara penentuan arah kiblat. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan mengenai hukum membetulkan arah mihrab Rasullullah, hukum berijtihad atau bertaklid untuk menentukan arah kiblat ketika berada di dalam Masjidilharam, syarat-syarat yang perlu diguna pakai sebelum berijtihad untuk menentukan arah kiblat, hukum menggunakan alat (seperti kompas dan lain-lain) untuk mengetahui arah kiblat, hukum menentukan arah kiblat melalui makluman orang lain, dan cara menentukan arah yang betul apabila bersolat di atas atau di dalam Kaabah.

Aspek yang **kedua** adalah berkaitan beberapa persoalan sekitar menghadap kiblat. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang anggota badan yang wajib dihadapkan ke arah kiblat, hukum solat jika sebahagian anggota badan terpesong dari arah kiblat, hukum solat dalam keadaan duduk untuk membolehkan seseorang itu menghadap ke arah kiblat, hukum solat dalam kenderaan bergerak, dan cara menghadap ke arah *Hijr Ismā’il* ketika hendak menunaikan solat di Baitullah.

3.3.2.3 *Bāb Ṣifah al-Ṣalāh* (Tatacara Solat)

Bāb Ṣifah al-Ṣalāh merupakan subtajuk yang ketiga dalam *Kitāb al-Ṣalāh*. *Bāb Ṣifah al-Ṣalāh* membincangkan tentang hukum-hakam yang berkaitan dengan tatacara solat. Dalam hal ini, pengkaji dapat menyimpulkan **sebelas** aspek perbincangan fiqh ‘ibadah Syeikh Daud mengenai tatacara solat.

Aspek yang **pertama** adalah berkaitan rukun solat yang pertama iaitu niat. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan mengenai hukum solat nazar diniatkan dengan lafaz solat fardu, hukum menunaikan solat tunai dengan niat solat qada atau sebaliknya, hukum niat solat sunat tanpa menyebut bilangan rakaat, hukum niat solat fardu tanpa menentukan nama solat yang hendak dikerjakan, dan hukum menunaikan solat dengan niat untuk mendapat ganjaran pahala.

Aspek yang **kedua** adalah berkaitan rukun solat yang kedua iaitu takbiratulihram. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan mengenai hukum menebalkan sebutan ‘*lām*’ pada lafaz takbir dalam takbiratulihram, hukum memisahkan lafaz ‘Allāhu’ dan ‘Akbar’ ketika takbiratulihram secara sengaja, hukum melakukan takbiratulihram secara berulang-ulang, hukum tidak berniat solat ketika takbiratulihram, hukum memanjangkan sebutan ‘*hu*’ pada kalimah ‘Allāh’

ketika takbiratulihram, dan hukum ‘*muqāranah*’ (seiring) antara niat dan takbiratulihram.

Aspek yang **ketiga** adalah berkaitan dengan rukun solat yang ketiga iaitu berdiri tegak. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hukum solat dalam keadaan duduk untuk membolehkan seseorang membaca surah al-Fatiyah, hukum solat dalam keadaan duduk untuk memelihara aurat, hukum solat dalam keadaan berdiri pada pertengahan solat (sebelum itu solat dalam keadaan duduk atas sebab-sebab tertentu), hukum solat bagi seseorang yang terpaksa duduk (tidak mampu berdiri) ketika sedang membaca surah al-Fatiyah, perbezaan antara ‘*istihdār*’ dan ‘*muqāranah*’, hukum solat dalam keadaan duduk supaya tidak terkencing (bagi orang yang berpenyakit kencing tak lawas), dan hukum solat dalam keadaan duduk kerana pening.

Aspek yang **keempat** adalah berkaitan dengan rukun solat yang keempat iaitu membaca surah al-Fatiyah. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hukum mengabaikan atau menukar sebutan huruf dan tanda bacaan dalam surah al-Fatiyah, dan hukum membaca zikir bagi menggantikan separuh daripada surah al-Fatiyah yang tidak dihafaz.

Aspek yang **kelima** adalah berkaitan dengan rukun solat yang kelima iaitu sujud. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan mengenai hukum sujud di atas benda yang bergerak bersama gerakan orang yang bersolat, hukum menekan ‘ketujuh-tujuh anggota sujud’ pada tempat sujud, hikmah menekan dahi ke tempat sujud, hikmah sujud dua kali, cara meletakkan jari kaki ke atas lantai ketika sujud, cara sujud bagi orang yang mempunyai dua kepala, empat tangan dan empat kaki yang tidak dapat memastikan yang mana satu antara anggotanya itu merupakan

anggota asal yang lebih sempurna,⁹ dan hukum berpegang kepada larangan doktor bukan Islam supaya tidak bersujud untuk menjaga kesihatan.

Aspek yang **keenam** adalah berkaitan dengan rukun solat yang keenam iaitu duduk *istirāhah*. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan mengenai tempoh maksimum duduk *istirāhah*, dan maksud akad 53 dan akad 59.

Aspek yang **ketujuh** adalah berkaitan dengan rukun solat yang ketujuh iaitu membaca tahiyyat. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang konsep tahiyyat, hukum menambah huruf dalam tahiyyat, hukum mengurangkan lafaz tahiyyat, hukum membaca tahiyyat tanpa tasydid pada perkataan tertentu, dan bacaan tahiyyat awal yang paling ringkas.

Aspek yang **kelapan** adalah berkaitan dengan rukun solat yang kelapan iaitu memberi salam. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hukum melakukan salam pertama di sebelah kiri, hukum salam yang kedua jika seseorang itu mendapati dirinya berhadas selepas salam pertama, dan syarat-syarat memberi salam yang sah dan sempurna.

Aspek yang **kesembilan** adalah berkaitan dengan qunut. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan mengenai hukum membaca qunut *Nāzilah* ketika diserang wabak, hikmah doa qunut, hukum membaca doa selepas doa qunut, hukum melakukan qunut sebelum rukuk, hukum membaca qunut *Nāzilah* dalam solat yang dinazarkan dan solat jenazah.

Aspek yang **kesepuluh** adalah berkaitan dengan khusyuk. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan mengenai konsep khusyuk, dan hukum solat dengan memejamkan mata untuk mendapat khusyuk.

⁹ Contoh ini bersifat futuristik dan agak pelik (s. 84, h. 69).

Aspek yang **kesebelas** adalah berkaitan dengan zikir selepas solat. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan mengenai zikir yang terbaik selepas solat, hukum membaca surah al-Fatihah antara dua doa, hukum makmum membaca doa (sebelum memberi salam) apabila imamnya memberi salam, dan kaedah doa yang disunatkan kepada imam selepas memberi salam.

3.3.2.4 *Bāb Shurūt al-Ṣalāh* (Syarat-syarat Sah Solat)

Bāb Shurūt al-Ṣalāh merupakan subtajuk yang keempat dalam *Kitāb al-Ṣalāh*. *Bāb Shurūt al-Ṣalāh* membincangkan tentang hukum-hakam berkaitan syarat sah solat. Dalam hal ini, pengkaji dapat menyimpulkan **empat** aspek perbincangan fiqh ‘ibadah Syeikh Daud mengenai syarat sah solat.

Aspek yang **pertama** adalah berkaitan dengan satu daripada syarat-syarat sah solat iaitu menutup aurat. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang konsep aurat, batas aurat yang wajib ditutup ketika mengerjakan solat, hukum solat jika aurat dapat dilihat daripada bahagian bawah pakaian, hukum solat bagi orang yang tidak mempunyai pakaian untuk menutup seluruh atau sebahagian auratnya, hukum menutup kemaluan dengan tapak tangan ketika sujud jika seseorang itu solat dalam keadaan berbogel, hukum orang yang berbogel (tiada pakaian untuk menutup auratnya) mengimamkan solat atau membaca khutbah Jumaat, hukum menutup aurat melewati paras lutut (dalam solat) bagi seseorang lelaki yang mempunyai zakar yang terlalu panjang hingga melepassi paras lutut,¹⁰ hukum solat seseorang lelaki yang sengaja memakai kain singkat (separas dengan lutut), dan hukum solat seseorang yang melihat kemaluan sendiri melalui belahan baju.

¹⁰ Contoh ini bersifat futuristik dan agak pelik (s. 111, h. 76).

Aspek yang **kedua** adalah berkaitan dengan salah satu syarat sah solat iaitu suci badan, pakaian dan tempat solat daripada najis. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hukum solat bagi seseorang yang memakai pakaian yang dibuat daripada kulit haiwan, hukum seseorang solat di tempat yang diketahui pernah terkena najis tetapi apabila najis itu tidak kelihatan lagi dia pun solat di tempat itu, hukum solat di atas tikar yang di bahagian tepinya terkena najis, hukum solat orang yang mempunyai kesan inai pada tangan atau anggota wuduk yang lain, hukum solat orang yang bertatu, hukum membunuh tuma dalam solat, hukum solat bagi orang yang melekat pada tangan (atau anggota badannya yang lain) darah kutu anjing yang sukar dihilangkan walaupun selepas berwuduk, hukum solat jika seseorang itu sengaja memijak tahi burung (yang bertaburan di dalam masjid) dengan kaki basah, dan hukum solat seseorang yang mempunyai bisul yang darahnya sentiasa mengalir.

Aspek yang **ketiga** adalah berkaitan dengan perkara yang membatalkan solat. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hukum solat seseorang yang melakukan perkara yang membatalkan solat secara sengaja atau dipaksa, hukum solat seseorang yang menggerak atau mengangkat anggota tubuhnya dengan atau tanpa disedari, maksud ‘mengeluarkan kata-kata yang sedikit’ (secara tidak sengaja) dalam solat, hukum berdoa ketika sedang solat, hukum solat seseorang yang menyebut perkataan ‘*Yā Sanad*’ sebagai gantinama Allah, hukum solat seseorang yang menjawab seruan Rasulullah (semasa hayat Rasulullah) melalui perkataan atau perbuatan, hukum solat seseorang yang melaknat syaitan ketika dalam solat, maksud ‘mengeluarkan satu huruf yang difahami’ (secara sengaja) dalam solat, hukum solat maknum yang menegur kesilapan imam dengan tasbih atau bertepuk tangan yang dilakukan lebih daripada tiga kali berturut-turut, hukum solat bagi imam yang berniat

sekali sahaja ketika melaungkan takbir *intiqālāt* dan hukum solat bagi seseorang yang menolak sesiapa yang cuba melintas di hadapannya.

Aspek yang **keempat** adalah berkaitan dengan perkara yang makruh dalam solat. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hukum berludah di dalam masjid, cara berludah yang diharuskan, hukum solat di atas kubur para syuhada, hukum bersolat di bilik mandi, hukum bersolat di bilik mandi yang belum digunakan lagi, hukum bersolat ketika nafsu syahwat memuncak, dan pahala solat bagi orang yang melakukan perkara makruh dalam solat.

3.3.2.5 *Bāb Sujūd al-Sahwī* (Sujud Sahwi)

Bāb Sujūd al-Sahwī merupakan subtajuk yang keempat dalam *Kitāb al-Ṣalāh*. *Bāb Sujūd al-Sahwī* membincangkan tentang hukum-hakam berkaitan sujud sahwī. Dalam hal ini, pengkaji dapat menyimpulkan **dua** aspek perbincangan fiqh ‘ibadah Syeikh Daud mengenai sujud sahwī.

Aspek yang **pertama** adalah berkaitan dengan sebab-sebab sujud sahwī. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hikmah sujud sahwī, hukum sujud sahwī jika seseorang itu memindahkan rukun *qawlī* (lisan) seperti bacaan al-Fatiḥah bukan pada tempatnya, hukum sujud sahwī kepada makmum yang meninggalkan qunut kerana mengikut imamnya yang bermazhab Hanafi atau makmum membaca qunut walaupun imam tidak melakukannya, hukum sujud sahwī bagi orang yang terlupa membaca tahiyat awal (tetapi sempat menyedarinya sebelum bangun untuk melakukan rakaat ketiga) lalu dia duduk semula untuk membaca tahiyat awal, hukum sujud sahwī bagi orang yang terlupa melakukan sujud kedua dalam rakaat yang terakhir, hukum sujud sahwī bagi orang yang terlupa untuk rukuk (selepas selesai membaca surah) tetapi ketika menundukkan badan hingga had rukuk

dia pun teringat lalu dia pun rukuk, hukum niat ketika hendak melakukan sujud sahwi, hukum sujud sahwi dilakukan selepas selesai solat (apabila seseorang merasa syak sama ada dia tertinggal salah satu sunat *ab ‘ād*), bilangan sujud sahwi yang perlu dilakukan oleh orang yang meninggalkan lebih daripada dua perkara yang memerlukan sujud sahwi, hukum makmum masbuk mengikut imam yang melakukan sujud sahwi.

Aspek yang **kedua** adalah berkaitan dengan cara melakukan sujud sahwi. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hukum seseorang melakukan sujud sahwi tanpa melakukan duduk antara dua sujud dengan sengaja, hukum menceraikan antara sujud sahwi dan memberi salam dengan jarak masa yang lama mengikut ‘uruf, hukum melakukan sujud sahwi dengan sekali sujud sahaja, dan hukum bercakap-cakap selepas selesai melakukan sujud sahwi (sebelum salam) kerana terlupa.

3.3.2.6 *Bāb fī Sujūd al-Tilāwah wa al-Shukr* (Sujud Tilawah dan Sujud Syukur)

Bāb fī Sujūd al-Tilāwah wa al-Shukr merupakan subtajuk yang keenam dalam *Kitāb al-Ṣalāh*. *Bāb fī Sujūd al-Tilāwah wa al-Shukr* membincangkan tentang hukum-hakam berkaitan sujud tilawah dan sujud syukur. Dalam hal ini, pengkaji dapat menyimpulkan **tiga** aspek perbincangan fiqh ‘ibadah Syeikh Daud mengenai sujud tilawah dan sujud syukur.

Aspek yang **pertama** adalah berkaitan dengan sebab-sebab sujud tilawah dan sujud *sajadah*. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan mengenai hukum solat seseorang jika dia melakukan sujud *sajadah* dalam solat subuh tanpa membaca surah yang mempunyai ayat *sajadah*, hukum melakukan sujud *sajadah* dalam solat subuh pada hari Khamis, hukum solat seseorang yang membaca surah yang mengandungi

ayat *sajadah* (dengan niat untuk sujud *sajadah*) tetapi tidak melakukannya, hukum sujud tilawah ke atas lelaki dewasa jika mendengar kanak-kanak atau kaum perempuan membaca satu daripada ayat-ayat *sajadah*, hukum berniat untuk mendengar bacaan ayat-ayat *sajadah*, hukum sujud tilawah dilakukan apabila mendengar ayat-ayat *sajadah* dibaca dalam keadaan yang tidak diharuskan syarak seperti dibaca oleh orang mabuk atau dibaca oleh seekor burung, hukum sujud tilawah dilakukan bersama-sama orang yang membaca ayat-ayat *sajadah* itu, hukum mendahului sujud tilawah atau sunat *tahiyyah al-Masjid* apabila mendengar ayat-ayat *sajadah* dibacakan ketika sedang melangkah masuk ke masjid, hukum sujud *sajadah* ketika solat jenazah, hukum mengikut imam sujud *sajadah* apabila imam membaca ayat 24 surah *Sād* (bagi imam yang berfahaman bahawa ayat ini merupakan ayat *sajadah*), hukum sujud *sajadah* dilakukan berulang kali dengan berulangnya ayat-ayat *sajadah* dibaca dalam solat.

Aspek yang **kedua** adalah berkaitan dengan cara melakukan sujud tilawah dan sujud *sajadah*. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang perkara yang dianggap rukun bagi sujud tilawah dan sujud *sajadah*.

Aspek yang **ketiga** adalah berkaitan dengan sujud syukur. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan mengenai sebab-sebab sujud syukur, dan hukum melakukan sujud syukur berulang kali dengan berulang sebab musababnya.

3.3.2.7 *Bāb Ṣalāh al-Nafl* (Solat Sunat)

Bāb Ṣalāh al-Nafl merupakan subtajuk yang ketujuh dalam *Kitāb al-Ṣalāh*. *Bāb Ṣalāh al-Nafl* membincangkan hukum-hakam berkaitan solat sunat. Dalam hal ini, pengkaji dapat menyimpulkan **sembilan** aspek perbincangan fiqh ‘ibadah Syeikh Daud mengenai solat sunat.

Aspek yang **pertama** adalah berkaitan dengan kelebihan solat. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan mengenai kelebihan ibadah solat berbanding ibadah-ibadah yang lain, kelebihan antara solat sunat Hari Raya Aidilfitri dan solat sunat Aidiladha, kelebihan solat sunat *Rawātib*, dan jenis solat sunat yang dianggap sunat muakkad.

Aspek yang **kedua** adalah berkaitan dengan solat sunat *Rawātib*. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan mengenai perkara yang lebih utama antara mengqada solat sunat *Rawātib Zuhur* empat rakaat dan solat sunat *qabliyyah Asar*, perkara yang lebih utama antara solat sunat *Zuhur qabliyyah* dan solat sunat *Zuhur ba 'diyyah*, kelebihan solat sunat *Rawātib* berbanding solat sunat Tarawih, hukum menunaikan solat sunat *qabliyyah* dan *ba 'diyyah* dengan satu takbiratulihram, hukum melambatkan solat sunat *qabliyyah Subuh* untuk ditunaikan selepas solat Subuh, hukum mengerjakan solat sunat *Rawātib* dengan setiap rakaat satu salam, solat sunat *Rawātib* yang dianggap muakkad, hukum menghimpunkan solat sunat *ba 'diyyah* bersama-sama solat sunat Witir dengan satu salam, dan cara mengqada solat fardu dan solat sunat *Rawātib*.

Aspek yang **ketiga** adalah berkaitan dengan solat sunat *Tahiyyah al-Masjid*. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hukum solat sunat *Tahiyyah al-Masjid* jika seseorang itu duduk dengan sengaja selepas masuk ke masjid, hukum solat sunat *Tahiyyah al-Masjid* pada waktu makruh, hukum solat sunat *Tahiyyah al-Masjid* ketika azan berkumandang, hukum solat sunat *Rawātib* ketika masuk ke masjid Masjidilharam dan Kaabah, hukum solat sunat *Rawātib* ketika masuk ke masjid sebagai ganti solat sunat *Tahiyyah al-Masjid*, dan tempoh luput solat sunat *Tahiyyah al-Masjid*.

Aspek yang **keempat** adalah berkaitan dengan solat sunat Aidilfitri. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan hukum menghimpunkan solat sunat Aidilfitri secara qada dengan solat sunat Aidiladha yang dilakukan secara tunai dengan satu takbiratulihram.

Aspek yang **kelima** adalah berkaitan dengan solat sunat *Awwābīn*. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang bilangan rakaat yang minima bagi solat sunat *Awwābīn* dan fadilat solat sunat *Awwābīn*.

Aspek yang **keenam** adalah berkaitan dengan solat sunat *Ishrāq* dan *Duhā*. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan mengenai persamaan antara solat sunat *Ishrāq* dan *Duhā*, bilangan rakaat solat sunat *Duhā* yang paling afdal, cara mengerjakan solat sunat *Duhā* lapan rakaat, dan hukum mengerjakan solat sunat *Duhā* sebanyak 10 rakaat.

Aspek yang **ketujuh** adalah berkaitan dengan solat sunat *Tahajjud*. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hukum solat sunat *Tahajjud* yang diqada, dan cara yang afdal mengerjakan solat sunat *Tahajjud*.

Aspek yang **kelapan** adalah berkaitan dengan solat sunat Witir. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan mengenai cara yang afdal mengerjakan solat sunat Witir, bilangan rakaat solat sunat Witir, dan hukum mengerjakan dua solat sunat Witir dalam satu malam.

Aspek yang **kesembilan** adalah berkaitan dengan solat sunat *Raghā'ib*. dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan mengenai kedudukan solat sunat *Raghā'ib* pada hari Jumaat minggu pertama bulan Rejab.

3.3.2.8 *Bāb Ṣalāh al-Jamā‘ah* (Solat Berjemaah)

Bāb Ṣalāh al-Jamā‘ah merupakan subtajuk kelapan dalam *Kitāb al-Ṣalāh*. *Bāb Ṣalāh al-Jamā‘ah* membincangkan tentang hukum-hakam berkaitan dengan solat berjemaah. Dalam hal ini, pengkaji dapat menyimpulkan **sembilan** aspek perbincangan fiqh ‘ibadah Syeikh Daud mengenai solat berjemaah.

Aspek yang **pertama** adalah berkaitan dengan hukum dan fadilat solat berjemaah. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan mengenai hukum semua makmum *mufāraqah* dengan imam selepas satu rakaat berjemaah sekadar untuk menggugurkan tuntutan fardu kifayah. Beliau juga membincangkan tentang hukum perempuan muda berjemaah di masjid dan perkara yang lebih afdal bagi seorang suami sama ada solat berjemaah di rumah atau solat berjemaah di masjid. Di samping itu beliau juga membincangkan tentang hukum mengasingkan diri daripada masyarakat sehingga tidak dapat fadilat menunaikan solat secara berjemaah, fadilat solat berjemaah di rumah, dan fadilat bersolat di Masjidilharam, *Masjid al-Nabawī* dan *Masjid al-Aqṣā*.

Aspek yang **kedua** adalah berkaitan dengan syarat-syarat imam. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang ciri-ciri orang yang layak menjadi imam. Beliau juga membincangkan tentang hukum seorang makmum mengikut imam yang diketahui sejak mula adalah seorang yang *ummī*, hukum solat berjemaah yang diimamkan oleh imam yang tidak berapa baik bacaan al-Fatihahnya (seperti menukar huruf *dhāl* dengan huruf *zāyy*), hukum berimamkan orang fasiq, hukum imam yang berasa was-was dengan niat solatnya, dan hukum solat seorang imam yang mengikut imam yang lain. Di samping itu, beliau juga membincangkan mengenai hukum solat berjemaah berimamkan malaikat.

Aspek yang **ketiga** adalah berkaitan dengan tatacara takbiratulihram mengikut imam. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hukum makmum melakukan takbiratulihram serentak dengan imam, hukum melakukan takbiratulihram sambil berjalan (menuju ke saf), dan jenis was-was yang dimaafkan untuk mendapat fadilat takbiratulihram berserta imam. Beliau juga membincangkan tentang hukum makmum takbiratulihram selepas imam memberi salam (tetapi belum menghabiskan bacaan ketika memberi salam), hukum makmum mengqada solat terlebih dahulu daripada ikut takbiratulihram bersama imam, dan hukum solat bagi makmum yang keliru antara takbiratulihram dan takbir *intiqālāt*.

Aspek yang **keempat** adalah berkaitan kedudukan saf makmum dalam solat berjemaah. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hukum solat berjemaah yang bercampur antara lelaki, perempuan, khunsa dan kanak-kanak dalam satu saf, hukum solat bagi makmum yang berdiri di sisi kanan dan kiri imam, dan hukum solat bagi makmum masbuk yang sengaja solat di saf kedua walaupun saf pertama masih kosong. Beliau juga membincangkan tentang hukum makmum berdiri selari dengan imam, hukum makmum berdiri di tempat yang lebih tinggi daripada imamnya, dan hukum menambah saf baru di hadapan saf yang pertama. Di samping itu, beliau juga membincangkan tentang hukum saf yang diselangi oleh mimbar, hukum solat jika makmum dipisahkan daripada imam dengan pintu yang berkunci, dan posisi makmum dalam solat berjemaah di sekeliling Masjidilharam.

Aspek yang **kelima** adalah berkaitan dengan syarat-syarat mengulangi solat. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hukum mengikuti imam yang mengulangi solatnya, hukum mengulangi solat Zuhur secara berjemaah, dan hukum mengulangi solat Zuhur dan Asar yang dilakukan secara jamak taqdim dengan solat secara berjemaah. Di samping itu, beliau juga membincangkan tentang hukum

mengulangi solat berjemaah dengan imam serta jemaah yang sama, hukum mengulangi solat fardu yang tidak sempurna, dan perbezaan antara solat fardu dan jenazah dari segi bilangan maksimum yang boleh diulang.

Aspek yang **keenam** adalah berkaitan dengan perbuatan tertinggal atau tidak sempat melakukan perkara rukun. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hukum solat maknum yang tertinggal tiga rukun *fi'lī*, hukum mengikut imam yang tertinggal sujud yang kedua, dan hukum orang yang berpenyakit was-was ketinggalan daripada imam melebihi dua rukun. Beliau juga membincangkan tentang hukum maknum masbuk yang tidak sempat menghabiskan bacaan al-Fatihah sehingga imam bergerak untuk melakukan sujud, maksud bacaan al-Fatihah maknum ditanggung oleh imam, dan hukum maknum yang ketinggalan (tidak lebih tiga rukun *fi'lī*) kerana hendak menghabiskan bacaan al-Fatihah. Di samping itu, beliau juga membincangkan tentang hukum bacaan al-Fatihah maknum yang mengikut imam melakukan sujud *sajadah* sebelum selesai membaca surah al-Fatihah, dan hukum maknum masbuk membaca surah *al-Sajadah* pada rakaat kedua solat Subuh pada pagi Jumaat.

Aspek yang **ketujuh** adalah berkaitan dengan kelainan atau perbezaan jenis, jemaah, atau mazhab solat. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hukum mengikut imam yang mengerjakan solat Isyak untuk mengqada solat Maghrib. Beliau juga membincangkan tentang hukum melakukan solat berjemaah secara berasingan daripada jemaah yang sedang solat, dan hukum maknum masbuk (yang menyambung solat secara bersendirian) menjadi imam kepada maknum lain. Di samping itu, beliau juga membincangkan tentang hukum solat maknum yang berlainan mazhab daripada imam.

Aspek yang **kelapan** adalah berkaitan dengan perbuatan tersilap dan kesilapan ‘terlebih buat’. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hukum maknum mengikut imam yang terlebih rakaat dan hukum maknum bangun untuk rukuk semula bersama imam selepas menyedari kesilapannya rukuk terlebih dahulu daripada imam. Beliau juga membincangkan tentang hukum solat jika maknum tidak pasti telah mendahului imam atau tidak.

Aspek yang **kesembilan** adalah berkaitan dengan perkara-perkara lain yang berkisar dalam solat berjemaah. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hukum solat maknum yang ternampak najis pada pakaian imam. Beliau juga membincangkan tentang hukum maknum meninggikan suara untuk memaklumkan kepada jemaah lain tentang pergerakan imam, dan hukum kanak-kanak menjadi *mubāligh* dalam solat berjemaah.

3.3.2.9 *Bāb Ṣalāh al-Musāfir* (Solat Musafir)

Bāb Ṣalāh al-Musāfir merupakan subtajuk yang kesembilan dalam *Kitāb al-Ṣalāh*. *Bāb Ṣalāh al-Musāfir* membincangkan tentang hukum-hakam berkaitan dengan solat Musafir. Dalam hal ini, pengkaji dapat menyimpulkan **tiga** aspek perbincangan fiqh ‘ibadah Syeikh Daud mengenai solat Musafir.

Aspek yang **pertama** adalah berkaitan dengan konsep Musafir. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang maksud musafir kerana maksiat, cara seseorang dikira sebagai musafir jika menggunakan jalan laut, perjalanan yang dianggap musafir, dan tempoh perjalanan yang dikira sebagai musafir.

Aspek yang **kedua** adalah berkaitan dengan solat Qasar. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hukum solat Qasar kepada orang yang musafir sama ada wajib, sunat atau harus, hukum mengqasarkan solat yang diulang, hukum

orang yang musafir berniat qasar mengikut imam yang bersolat sempurna, hukum mengqasarkan solat qada, syarat-syarat yang mengharuskan qasar solat, hukum solat seseorang yang tidak pasti sama ada dia berniat solat qasar atau sempurna, dan hukum solat qasar bagi orang yang sentiasa bermusafir.

Aspek yang **ketiga** adalah berkaitan solat Jamak. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hukum menjamakkan solat sama ada wajib, sunat atau harus, hukum menjamakkan solat Asar dengan solat Jumaat, hukum menjamakkan solat yang sempurna dengan solat Qasar, perkara yang lebih afdal antara Jamak Takdim dan Jamak Takhir, syarat-syarat Jamak Takdim dan Jamak Takhir, hukum solat jamak jika tertinggal perkara rukun dalam solat yang pertama atau solat yang kedua, hukum mentakhirkan solat Zuhur kepada waktu Asar tanpa niat jamak, hukum solat bagi seseorang yang tiba ke destinasi ketika sedang solat jamak, hukum menjamakkan solat kerana sakit, dan syarat-syarat solat jamak kerana hujan.

3.3.2.10 *Bāb Ṣalāh al-Jumu‘ah* (Solat Jumaat)

Bāb Ṣalāh al-Jumu‘ah merupakan subtajuk kesepuluh dalam *Kitāb al-Ṣalāh*. *Bāb Ṣalāh al-Jumu‘ah* membincangkan mengenai hukum-hakam berkaitan solat Jumaat. Dalam hal ini, pengkaji dapat menyimpulkan **lima** aspek perbincangan fiqh ‘ibadah Syeikh Daud mengenai solat Jumaat.

Aspek yang **pertama** adalah berkaitan syarat-syarat wajib solat Jumaat. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang orang yang dikira sebagai ahli Jumaat, hukum meninggalkan solat Jumaat untuk berada di sisi kaum keluarga yang nazak, hukum solat Jumaat bagi orang yang makan makanan yang makruh dimakan (seperti bawang) dengan niat supaya gugur kewajipan mengerjakan solat Jumaat, hukum solat Jumaat ke atas orang yang tinggal di daerah terpencil yang langsung

tidak mendengar seruan azan, hukum solat Jumaat bagi orang yang tidak dapat bersuci melainkan terpaksa membuka auratnya di khalayak ramai, hukum solat Jumaat bagi orang yang tidak sempat sampai ke masjid kerana kesuntukan masa dan hukum Jumaat bagi orang yang tidak diwajibkan solat Jumaat.

Aspek yang **kedua** adalah berkaitan syarat-syarat sah Jumaat. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hukum berniat sebagai imam bagi orang yang mengimamkan solat Jumaat, hukum jika salah seorang daripada ahli kariah meninggalkan kampung pada hari Jumaat sehingga bilangan jemaah untuk mengerjakan solat Jumaat tidak mencukupi, hukum mengerjakan solat Jumaat di kariah lain, hukum mengerjakan fardu Jumaat jika waktu yang berbaki tidak mencukupi untuk membaca khutbah dan solat Jumaat, hukum fardu Jumaat yang tidak sempat dikerjakan pada waktunya kerana imam sengaja memanjangkan solatnya sehingga habis waktu, hukum makmum berniat *mufāraqah* daripada imam kerana bimbang habis waktu Jumaat, hukum solat Jumaat bagi penempatan kariah yang berselerak dan berjauhan antara satu sama lain, hukum solat Jumaat di masjid yang perkampungan di sekitarnya telah musnah, maksud ‘sukar untuk berhimpun pada satu tempat’, hukum melakukan dua Jumaat dalam satu kariah, syarat untuk mendapat Jumaat bagi bilangan jemaah yang cukup-cukup 40 orang, hukum solat Jumaat bagi jemaah (yang berjumlah 41 orang termasuk imam) yang imamnya terbatal solat pada rakaat kedua, hukum solat Jumaat bagi jemaah yang hanya ada 40 orang dan seorang daripada mereka adalah *ummī*, hukum mengambil kira seseorang yang tinggal di dua kariah yang berbeza sebagai ahli Jumaat bagi kedua-dua kariah, hukum solat Jumaat bagi jemaah yang mempunyai 40 orang ahli sahaja jika seorang daripada mereka terpaksa keluar pada rakaat pertama kerana berhadas, hukum khutbah (bagi jemaah yang bilangannya hanya 40 orang) jika terdapat seorang

daripada mereka meninggalkan masjid (dalam tempoh yang singkat) ketika imam sedang membaca khutbah, hukum berniat ketika takbiratulihram untuk mengerjakan solat Jumaat jika masih ada waktu atau solatnya akan bertukar menjadi solat Zuhur, hukum berbilang Jumaat jika jemaah terlalu ramai, dan hukum orang kampung pergi ke bandar untuk mencukupkan bilangan jemaah di bandar.

Aspek yang **ketiga** adalah berkaitan dengan makmum dan imam dalam solat Jumaat. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan mengenai hukum makmum masbuk ketika imam bangun daripada rukuk kedua, hukum makmum masbuk ketika imam sedang melakukan tahiyyat akhir, hukum solat Jumaat bagi jemaah yang imamnya terlupa melakukan sujud yang kedua pada rakaat yang pertama, hukum fardu Jumaat bagi jemaah yang imamnya tidak mengetahui rukun dan syarat solat, hukum imam memilih penggantinya dalam kalangan makmum jika imam terbatal solatnya, hukum solat Jumaat bagi makmum yang mengambil alih tugas imam, hukum solat Jumaat jika pengganti imam merupakan makmum masbuk, hukum makmum yang menjadi pengganti imam (yang terbatal solatnya) memperbaharui niat, maksud rakaat *Mulaffaqah*, dan maksud ‘jarak masa yang hampir’ dalam kes makmum menggantikan imam yang batal solatnya.

Aspek yang **keempat** adalah berkaitan dengan khatib dan khutbah Jumaat. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hukum fardu Jumaat bagi makmum yang sengaja tidak mahu mendengar khutbah, hukum solat sunat ketika khatib sedang berkhutbah, hukum solat sunat wuduk ketika khatib sedang berkhutbah, hukum jemaah Jumaat yang sengaja duduk jauh dari mimbar sehingga tidak dapat mendengar khutbah, cara memegang tongkat ketika berkhutbah, hukum khutbah Jumaat jika semua atau sebahagian ahli Jumaat yang berjumlah 40 orang meninggalkan masjid ketika khatib sedang berkhutbah, hukum bercakap-cakap

ketika khatib membaca khutbah, dan perkara yang harus dilakukan oleh makmum yang tidak dapat mendengar khutbah Jumaat.

Aspek yang **kelima** adalah adab-adab Jumaat. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang perhiasan yang disunatkan bagi orang yang solat Jumaat, hukum mencukur rambut di kepala pada hari Jumaat, hukum imam solat Jumaat membaca surah *al-Jumu'ah* pada rakaat pertama, hukum bertayamum untuk menggantikan mandi sunat Jumaat, hukum berpakaian berwarna putih pada hari Jumaat jika hari itu merupakan Hari Raya, dan waktu yang mustajab berdoa pada hari Jumaat.

3.3.2.11 *Bāb fī Ṣalāh al-Khawf* (Solat Khawf)

Bāb fī Ṣalāh al-Khawf merupakan subtajuk yang kesebelas dalam *Kitāb al-Ṣalāh*. *Bāb fī Ṣalāh al-Khawf* membincangkan tentang hukum-hakam berkaitan solat *Khawf*. Dalam hal ini, pengkaji dapat menyimpulkan **dua** aspek perbincangan fiqh ‘ibadah Syeikh Daud mengenai solat *Khawf*.

Aspek yang **pertama** adalah berkaitan kaedah melakukan solat *Khawf*. Dalam hal ini Syeikh Daud membincangkan mengenai perbezaan antara solat *Khawf* dan solat ketika aman, hukum mengulangi solat *Khawf* setelah aman, senjata yang sunat dipegang ketika solat *Khawf*, empat kaedah mengerjakan solat *Khawf* yang dipilih oleh Imam Syafii, kaedah solat Jumaat dalam keadaan ketakutan, dan hukum sujud *Sahwi* bagi makmum yang *mufāraqah* dengan imam dalam solat *Khawf*.

Aspek yang **kedua** adalah berkaitan dengan persoalan tentang solat *Khawf*. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan mengenai konsep takut dalam konteks solat *Khawf* dan keadaan yang mengharuskan solat *Khawf* selain daripada peperangan.

3.4.2.12 *Bāb fī Tahrīm Lubs al-Harīr* (Pengharaman Memakai Sutera)

Bāb fī Tahrīm Lubs al-Harīr merupakan subtajuk kedua belas dalam *Kitāb al-Ṣalāh*.

Bāb fī Tahrīm Lubs al-Harīr membincangkan mengenai hukum-hakam berkaitan pengharaman memakai sutera. Dalam hal ini, pengkaji dapat menyimpulkan **tiga** aspek perbincangan fiqh ‘ibadah Syeikh Daud mengenai pengharaman memakai sutera.

Aspek yang **pertama** adalah berkaitan penggunaan sutera oleh kaum lelaki. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hukum kaum lelaki menyimpan kain sutera, hukum kaum lelaki menggunakan barang-barang yang dibuat daripada sutera, pengertian ‘mudarat’ yang mengharuskan lelaki memakai sutera, hukum kaum lelaki memakai kain sutera untuk menutup aurat kerana tiada pakaian lain, hukum kaum lelaki memakai serban atau tudung yang di bahagian tepinya dijahit dengan kain sutera, dan hukum kaum lelaki mengikut isterinya masuk ke dalam kelambu sutera.

Aspek yang **kedua** ialah konsep sutera. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan mengenai jenis kain yang termasuk dalam istilah sutera, dan kadar campuran antara kain sutera dan kain kapas (atau jenis kain yang lain) yang masih dianggap sebagai sutera dari segi hukumnya.

Aspek yang **ketiga** adalah persoalan yang berkaitan dengan pemakaian dan penggunaan sutera. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan mengenai hukum menggantung kain sutera sebagai perhiasan atas arahan pemerintah, dan hukum kain sutera yang dikanji.

3.3.2.13 *Bāb Ṣalāh al-‘Īdayn* (Solat Sunat Dua Hari Raya)

Bāb Ṣalāh al-‘Īdayn merupakan subtajuk ketiga belas dalam *Kitāb al-Ṣalāh*. *Bāb Ṣalāh al-‘Īdayn* membincangkan tentang hukum-hakam berkaitan Solat Sunat Dua Hari Raya. Dalam hal ini, pengkaji dapat menyimpulkan **enam** aspek perbincangan fiqh ‘ibadah Syeikh Daud mengenai solat sunat Dua Hari Raya.

Aspek yang **pertama** adalah berkaitan dengan cara solat Hari Raya. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang perkara yang lebih baik antara melakukan solat sunat Hari Raya secara berasingan atau melakukannya di satu tempat sahaja, kedudukan takbir dalam solat sunat Hari Raya, hukum maknum menambahkan takbir jika imam bertakbir kurang daripada yang sewajarnya, hukum membaca tasbih antara dua takbir, hukum mengangkat tangan secara berturut-turut setiap kali takbir, hukum menambahkan bilangan takbir pada rakaat kedua jika terlupa menyebut tujuh kali pada rakaat pertama, dan hukum meninggalkan takbir selepas solat sunat Hari Raya, dan perkara yang lebih afdal dilakukan selepas solat sunat Hari Raya sama ada zikir atau takbir.

Aspek yang **kedua** adalah berkaitan dengan khutbah Hari Raya. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hukum membaca khutbah sebelum solat sunat Hari Raya, perkara yang perlu dilakukan oleh orang yang terlewat datang ke masjid dan mendapati khatib sedang membaca khutbah, hukum membaca khutbah bagi dua orang yang solat sunat Hari Raya secara bersendirian tetapi berada di satu tempat yang sama, hukum menghimpunkan beberapa kali takbir di awal khutbah dengan satu nafas, dan hukum takbir yang lupa dibaca oleh khatib di awal khutbah Hari Raya.

Aspek yang **ketiga** adalah berkaitan dengan waktu solat sunat Hari Raya. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang waktu yang paling awal untuk

melakukan solat sunat Hari Raya, dan sebab solat sunat Hari Raya sunat dilewatkhan sehingga matahari tinggi segalah.

Aspek yang **keempat** adalah berkaitan dengan adab menyambut Hari Raya. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hukum melewatkhan mandi sunat Hari Raya, hukum menghias diri pada Hari Raya, hukum makan sebelum pergi ke masjid pada Hari Raya, dan hukum ucapan Selamat Hari Raya.

Aspek yang **kelima** adalah berkaitan dengan waktu takbir Hari Raya Aidiladha. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang waktu bermulanya takbir Hari Raya Aidiladha, waktu berakhirnya takbir Hari Raya Aidiladha, dan waktu takbir Hari Raya bagi orang yang mengerjakan haji.

Aspek yang **keenam** adalah berkaitan dengan persoalan-persoalan sekitar Hari Raya. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang sebab 1 Syawal dan 10 Zulhijah dinamakan Hari Raya, Hari Raya yang lebih baik antara Hari Raya Aidiladha dan Hari Raya Aidilfitri, hukum tidak mengerjakan solat sunat Hari Raya, hikmah takbir dalam solat sunat Hari Raya, hikmah membaca surah *al-Qāf* dan *al-Qamar* dalam solat sunat Hari Raya, hikmah memakai pakaian yang cantik pada Hari Raya, dan maksud ‘takbir Hari Raya Aidilfitri lebih baik daripada Hari Raya Aidiladha’.

3.3.2.14 *Bāb Ṣalāh al-Kusūfayn* (Solat Sunat Gerhana Matahari dan Gerhana Bulan)

Bāb Ṣalāh al-Kusūfayn merupakan subtajuk yang keempat belas dalam *Kitāb al-Ṣalāh*. *Bāb Ṣalāh al-Kusūfayn* membincangkan tentang hukum-hakam berkaitan solat sunat Gerhana Matahari dan Gerhana Bulan. Dalam hal ini, pengkaji dapat

menyimpulkan **dua** aspek perbincangan fiqh ‘ibadah Syeikh Daud tentang solat sunat Gerhana Matahari dan Gerhana Bulan.

Aspek yang **pertama** adalah berkaitan dengan cara solat sunat Gerhana Matahari dan Gerhana Bulan. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hukum seseorang mengerjakan solat sunat Gerhana Matahari dengan niat solat Zuhur dan dilebihkan rukuk pada setiap rakaat, hukum berniat mengerjakan solat Gerhana Matahari dengan cara yang ringkas tetapi kemudiannya dilakukan dengan cara yang lengkap, bacaan ketika bangun daripada rukuk dalam solat sunat Gerhana, cara melakukan solat sunat Gerhana yang dinazarkan, hukum membaca al-Fatihah pada setiap rakaat solat sunat Gerhana, hukum mengulangi solat sunat Gerhana, tempat yang lebih utama untuk mengerjakan solat sunat Gerhana, hukum membaca khutbah sebelum solat sunat Gerhana, hukum bertakbir dan beristighfar pada awal khutbah solat sunat Gerhana, cara melakukan solat sunat Gerhana ketika kedatangan Dajal,¹¹ syarat-syarat sah solat sunat Gerhana, hukum menyempurnakan solat sunat Gerhana Matahari apabila matahari kembali bersinar ketika sedang solat, hukum solat sunat Gerhana yang dilakukan ketika gerhana sudah berakhir, dan hukum menyatakan khutbah solat sunat Gerhana Matahari dan khutbah Jumaat jika gerhana berlaku pada hari Jumaat.

Aspek yang **kedua** adalah berkaitan persoalan-persoalan sekitar gerhana matahari dan bulan. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan mengenai konsep dan hikmah gerhana matahari dan bulan, hukum bersedekah ketika berlaku gerhana, solat yang perlu didahulukan antara solat sunat Hari Raya, solat sunat Gerhana dan solat Jenazah jika keperluan untuk melakukan solat-solat tersebut berlaku dalam satu masa.

¹¹ Contoh ini bersifat futuristik (s. 381, h. 140).

3.3.2.15 *Bāb Ṣalāh al-Istisqā'* (Solat Memohon Hujan)

Bāb Ṣalāh al-Istisqā' merupakan subtajuk kelima belas dalam *Kitāb al-Ṣalāh*. *Bāb Ṣalāh al-Istisqā'* membincangkan tentang hukum-hakam berkaitan solat Memohon Hujan. Dalam hal ini, pengkaji dapat menyimpulkan **tiga** aspek perbincangan fiqh ‘ibadah Syeikh Daud mengenai solat Memohon Hujan.

Aspek yang **pertama** adalah berkaitan dengan cara solat Memohon Hujan. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang cara solat Memohon Hujan yang dinazarkan, kaedah mengulangi solat Memohon Hujan sehingga hujan turun, hukum niat puasa solat Memohon Hujan diniatkan bersama puasa sunat yang lain atau puasa qada, hukum menyempurnakan puasa selama empat hari jika hujan turun selepas berpuasa pada hari kedua, hukum membawa anjing ke tempat solat Memohon Hujan, hukum kaum lelaki keluar (ke tempat perhimpunan untuk melakukan solat Memohon Hujan) tanpa memakai kasut dan tanpa menutup kepala, hukum melakukan solat Memohon Hujan lebih daripada dua rakaat, hukum membaca dua khutbah sebelum solat Memohon Hujan, dan cara membaca khutbah solat Memohon Hujan.

Aspek yang **kedua** adalah berkaitan adab selepas hujan turun (setelah dilakukan solat Memohon Hujan). Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang kadar badan boleh didedahkan ketika ketika hujan turun, hukum mandi dan berwuduk sebaik sahaja hujan turun, hukum bertasbih ketika mendengar bunyi guruh dan melihat kilat, dan bacaan ketika hujan turun.

Aspek yang **ketiga** adalah berkaitan dengan persoalan-persoalan sekitar solat Memohon Hujan. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hukum orang Islam di tempat lain (yang tiada masalah air) datang ke tempat yang hendak

dilakukan solat Memohon Hujan bagi mengerjakan solat bersama-sama orang Islam di tempat itu, hukum menunaikan permintaan orang kafir zimmi untuk mengerjakan solat Memohon Hujan bagi pihak mereka, hukum dilakukan solat sunat seperti solat Memohon Hujan jika matahari tidak terbit atau hujan terlalu lebat, hukum mengerjakan solat Memohon Hujan tanpa arahan pihak pemerintah, dan hukum memaki angin.

3.3.2.16 *Bāb Aḥkām Tārik al-Ṣalāh* (Hukum bagi Orang yang Meninggalkan Solat)

Bāb Aḥkām Tārik al-Ṣalāh merupakan subtajuk yang keenam belas dan yang terakhir dalam *Kitāb al-Ṣalāh*. *Bāb Aḥkām Tārik al-Ṣalāh* membincangkan tentang hukum-hakam yang berkaitan dengan orang yang meninggalkan solat. Dalam hal ini, pengkaji dapat menyimpulkan **dua** aspek perbincangan fiqh ‘ibadah Syeikh Daud tentang hukum orang yang meninggalkan solat.

Aspek yang **pertama** adalah berkaitan dengan tindakan terhadap orang yang meninggalkan solat. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hukum mengarahkan orang yang meninggalkan solat supaya bertaubat, hukum dan cara berinteraksi dengan orang yang meninggalkan solat, orang yang berkuasa untuk melaksanakan hukuman bunuh ke atas orang yang meninggalkan solat, hukum melaksanakan hukuman bunuh ke atas orang yang meninggalkan solat dalam tempoh disuruh bertaubat, dan hukum menjatuhkan hukuman bunuh ke atas orang yang telah disuruh bertaubat berkali-kali kerana meninggalkan solat tetapi masih lagi berdegil dan enggan menunaikan solat (walaupun berjanji akan mengerjakan solat apabila ditegur).

Aspek yang **kedua** adalah berkaitan dengan persoalan-persoalan sekitar orang yang yang meninggalkan solat. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hukum mengkafirkan orang yang menafikan kewajipan mengerjakan solat, hukum mengkafirkan orang yang cuai dan malas dalam melakukan solat sehingga tamat waktunya, dan hukum menjatuhkan hukuman bunuh ke atas orang yang mengatakan bahawa Allah telah menggugurkan kewajipan solat ke atasnya dan membenarkan dia melakukan perkara-perkara yang diharamkan seperti minum arak dan berzina.

3.3.3 *Kitāb al-Janā'iz* (Jenazah)

Kitāb al-Janā'iz mengandungi tiga *Faṣal* dan 138 set soal-jawab. Dalam *Kitāb al-Janā'iz* ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hukum-hakam berkaitan pengurusan jenazah. Dalam hal ini, pengkaji dapat menyimpulkan **enam** aspek perbincangan fiqh ‘ibadah Syeikh Daud mengenai pengurusan jenazah.

Aspek yang **pertama** adalah berkaitan dengan konsep jenazah. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang takrif ‘janāzah’ dan ‘jināzah’ serta perbezaan antara kedua-duanya.

Aspek yang **kedua** adalah berkaitan dengan ajal dan kematian. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan mengenai hukum kesegeraan bertaubat sebelum ajal tiba, golongan yang dikecualikan daripada sentiasa mengingati mati, dan hukum berubat untuk menyembuhkan penyakit.

Aspek yang **ketiga** adalah berkaitan dengan orang sakit. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang surah yang afdal dibaca kepada orang yang sedang nazak, hukum menitikkan air ke mulut orang yang sedang nazak, hukum menziarahi orang yang sakit dalam kalangan ahli bidaah, dan amalan yang afdal dilakukan oleh orang yang sakit.

Aspek yang **keempat** adalah berkaitan dengan talkin. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hukum talkin ke atas orang kafir dan kanak-kanak, hukum menambah bacaan ‘*Muhammad Rasul Allāh*’ dalam talkin, dan hukum menghadapkan jenazah ke arah kiblat sebelum talkin.

Aspek yang **kelima** adalah berkaitan dengan adab selepas berlaku kematian. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang bacaan ketika menutupkan mata mayat, cara untuk menghalalkan hutang jenazah, hukum menangguhkan pengurusan jenazah jika berlaku keraguan (sama ada benar-benar mati atau pengsan), hukum menguruskan jenazah yang mati buat kali kedua, cara menguruskan jenazah kembar siam yang mati salah seorang daripada mereka, dan cara menguruskan jenazah kembar siam yang berlainan jantina.

Aspek yang **keenam** adalah berkaitan dengan memandikan jenazah. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang niat memandikan jenazah dan hukumnya, hukum jenazah dimandikan oleh orang kafir, cara yang paling sempurna untuk memandikan jenazah, hukum bagi seorang suami atau isteri memandang aurat jenazah ketika memandikannya, hukum bagi lelaki untuk memandikan jenazah lelaki dan perempuan memandikan jenazah perempuan, orang yang harus memandikan jenazah gadis cantik yang tidak mempunyai mahram, orang yang harus memandikan jenazah kanak-kanak dan khunsa (yang sudah tua) yang tidak mempunyai mahram, hukum mengkhatarkan jenazah yang belum berkhatan lagi, hukum kaum lelaki memandikan jenazah perempuan yang ajnabi tanpa kehadiran seorang pun kaum perempuan, hukum memotong kuku jenazah yang masih dalam ihram, hukum mengucup muka mayat sebelum dikafankan, hukum memandikan semula jenazah yang keluar darah atau keluar air mani selepas dimandikan, hukum menginaikan jari

tangan dan kaki jenazah, dan bilangan manusia dan malaikat yang menyembahyangkan jenazah Rasulullah.

3.3.3.1 *Faṣl fī Takfīn al-Mayyit wa Ḥamlih* (Mengafani dan Mengusung Jenazah)

Faṣl fī Takfīn al-Mayyit wa Ḥamlih merupakan subtajuk yang pertama dalam *Kitāb al-Janā’iz*. *Faṣl fī Takfīn al-Mayyit wa Ḥamlih* membincangkan tentang hukum-hakam dalam mengafani dan mengusung jenazah. Dalam hal ini, pengkaji dapat menyimpulkan **empat** aspek perbincangan fiqh ‘ibadah Syeikh Daud mengenai mengafani dan mengusung jenazah.

Aspek yang **pertama** adalah berkaitan dengan cara mengafani jenazah. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan mengenai hukum mengafani jenazah dengan pakaian yang dipakai semasa hidupnya, hukum mengafani jenazah dengan kain yang mahal menggunakan harta jenazah berkenaan, hukum mengafani jenazah lelaki atau perempuan lebih daripada lima lapis kain, hukum jenazah dikafarkan dengan kain berwarna (selain putih), hukum mengafani jenazah mengikut taraf hidupnya, dan maksud ‘lima lapis kain kafan’.

Aspek yang **kedua** adalah berkaitan dengan perbelanjaan mengurus jenazah. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hukum menggunakan harta peninggalan jenazah untuk pengurusan jenazahnya, hukum pengurusan jenazah seorang isteri menggunakan hartanya sendiri atas wasiat si isteri berkenaan, dan kadar perbelanjaan yang boleh diambil daripada baitulmal untuk menguruskan jenazah yang tidak mempunyai waris.

Aspek yang **ketiga** adalah berkaitan dengan cara mengusung jenazah. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hukum kaum perempuan mengusung

jenazah, hukum mengusung jenazah dengan cara yang menghina seperti jenazah tidak diletakkan dalam pengusung atau keranda, dan hukum menutupi keranda jenazah perempuan dengan kain sutera.

Aspek yang **keempat** adalah berkaitan dengan persoalan sekitar pengusungan jenazah. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang perkara yang menyebabkan orang yang mengusung jenazah kadang-kadang terhenti seketika dan kadang-kadang mengundur ke belakang,¹² hukum berdiri dan membaca doa ketika melihat jenazah diusung dan hukum membaca al-Quran, berdoa atau berzikir dengan suara yang kuat ketika mengusung jenazah ke tanah perkuburan.

3.3.3.2 *Faṣl fī Ṣalāh al-Mayyit* (Solat Jenazah)

Faṣl fī Ṣalāh al-Mayyit merupakan subtajuk yang kedua dalam *kitāb al-Janā'iz*. *Faṣl fī Ṣalāh al-Mayyit* membincangkan tentang hukum-hakam dalam pelaksanaan solat jenazah. Dalam hal ini, pengkaji dapat menyimpulkan **lima** aspek perbincangan fiqh ‘ibadah Syeikh Daud mengenai solat jenazah.

Aspek yang **pertama** adalah berkaitan dengan rukun solat jenazah. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang *ta'yīn* (menentukan niat) dalam solat jenazah seperti menentukan niat fardu atau fardu kifayah, hukum menyebut nama si mati dalam solat jenazah yang ghaib, hukum niat secara umum bagi jenazah yang tidak diketahui bilangannya, hukum bagi imam yang sengaja melebihkan takbir (kerana mendapati ada maknum masbuk), hukum mendahulu dan mengakhirkan bacaan (tidak tertib) yang sepatutnya dibaca dalam setiap takbir, doa dalam solat jenazah, hukum bagi maknum membaca surah-surah lain atau doa selepas membaca al-Fatihah sementara menunggu takbir yang kedua, hukum maknum muafik yang

¹² Contoh ini agak pelik (s. 55, h. 163).

tidak sempat menghabiskan bacaan al-Fatihah, hukum solat jenazah bagi maknum bermazhab Syafii yang mengikut imam bermazhab Hanafi, hukum membaca ‘*wa sallim*’ selepas selawat ke atas Nabi, dan hukum membaca doa selepas takbir keempat.

Aspek yang **kedua** adalah berkaitan dengan syarat sah solat jenazah. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan mengenai hukum solat jenazah dilakukan di atas kubur, hukum solat jenazah yang dilakukan tanpa jenazah (jenazah diusung keluar ketika sedang solat), hukum solat jenazah ke atas jenazah yang tidak dapat dimandikan atau ditayammumkan, hukum solat jenazah ke atas jenazah yang diletakkan dalam keranda yang berpaku, hukum solat jenazah seorang kanak-kanak sedangkan terdapat ramai lagi lelaki dewasa, had jarak boleh melakukan solat ghaib, hukum kaum perempuan mengerjakan solat jenazah kerana tiada kaum lelaki, hukum solat jenazah ke atas jenazah kanak-kanak kafir yang bersifat seperti seorang Islam, hukum solat jenazah diulang beberapa kali, hukum melambatkan solat jenazah untuk mencukupkan bilangan 40 orang, orang yang afdal dilantik menjadi imam solat jenazah, hukum solat jenazah ke atas jenazah yang bercampur antara Islam dan bukan Islam, hukum solat jenazah ke atas sebahagian anggota badan yang ditemui, dan hukum solat jenazah ke atas bayi yang keguguran dan tiada tanda-tanda pernah hidup.

Aspek yang **ketiga** adalah berkaitan dengan maknum masbuk dalam solat jenazah. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hukum solat jenazah bagi maknum yang baru melakukan takbir pertama sedangkan imam telah melakukan takbir ketiga, hukum solat jenazah bagi maknum yang ketinggalan takbir kerana jahil atau tidak mendengar takbir imamnya, dan hukum solat jenazah bagi

makmum yang meneruskan juga bacaan al-Fatihah (selepas takbiratulihram) walaupun imam telah takbir kedua.

Aspek yang **keempat** adalah berkaitan dengan kedudukan saf makmum dan kedudukan jenazah dalam solat jenazah. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang cara penyusunan saf dalam solat jenazah, dan kedudukan kepala jenazah yang hendak disolatkan.

Aspek yang **kelima** adalah berkaitan dengan jenazah yang mati syahid. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hukum yang berkaitan dengan memandikan jenazah yang mati syahid tetapi dalam keadaan masih berjunub, perbandingan kemuliaan nabi Muḥammad, para nabi dan rasul, dan para syuhada, hukum orang Islam yang mati akibat terkena bom yang dipasang oleh orang kafir, jenis-jenis mati syahid dan hukum menghilangkan darah dan najis daripada badan orang yang mati syahid.

3.3.3.3 *Faṣl fī Dafn al-Mayyit wa ma Yata‘allaq bih* (Mengebumikan Jenazah dan Perkara yang Berkaitan dengannya)

Faṣl fī Dafn al-Mayyit wa ma Yata‘allaq bih merupakan subtajuk yang ketiga dalam *Kitāb al-Janā’iz*. *Faṣl fī Dafn al-Mayyit wa ma Yata‘allaq bih* membincangkan tentang hukum-hakam dalam mengebumikan jenazah dan perkara yang berkaitan dengannya. Dalam hal ini, pengkaji dapat menyimpulkan **lima** aspek perbincangan fiqh ‘ibadah Syeikh Daud mengenai pengebumian jenazah dan perkara yang berkaitan dengannya.

Aspek yang **pertama** adalah berkaitan dengan urusan pengebumian. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang had minima saiz lubang kubur, orang yang diutamakan untuk memasukkan jenazah ke dalam kubur, hukum menutup

lubang kubur ketika menurunkan jenazah, hukum kaum perempuan menyelenggarakan urusan pengebumian, bacaan ketika menurunkan jenazah ke liang lahad, hukum jenazah dikebumikan bersama pakaianya dan diletakkan bantal serta hamparan di dalam kuburnya, hukum orang Islam dikebumikan di tanah perkuburan orang bukan Islam, bacaan ketika mencampakkan tiga ketul tanah ke dalam kubur, hukum meletakkan gumpalan tanah dan kertas doa di dalam kubur, dan hikmah disunatkan membuat lubang kubur yang dalam dan luas.

Aspek yang **kedua** adalah berkaitan dengan adab menziarahi kubur. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan mengenai hukum menggunakan air mawar atau air mutanajis untuk menjirus kubur, hukum mengambil sesuatu dari kubur lain untuk diletakkan atas kubur orang yang baharu dikebumikan, hukum menziarahi kubur ke atas kaum perempuan, hikmah menziarahi kubur pada hari Jumaat dan pagi hari Sabtu, hukum memberi ucapan salam kepada ahli kubur, dan hukum meletakkan tangan di atas sesuatu yang terdapat di atas kubur lalu mengucup tangannya.

Aspek yang **ketiga** adalah berkaitan dengan pemindahan jenazah. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hukum memindahkan jenazah yang belum dikebumikan ke negeri lain, dan hukum membongkar semula kubur untuk memindahkan jenazah ke kubur lain.

Aspek yang **keempat** adalah berkaitan dengan adab semasa dan selepas kematian. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang takrif takziah, hukum menangisi kematian seseorang, hukum bagi keluarga si mati menyediakan jamuan untuk orang ramai yang datang berziarah sebelum dan selepas jenazah dikebumikan, hukum bagi keluarga si mati membala sumbangan saudara mara yang telah menyediakan makanan mereka, hukum berdoa untuk si mati, hukum mensedekahkan

pahala bacaan al-Quran kepada si mati dan hukum membuat binaan di atas kubur dan menulis nama pada batu nisan.

Aspek yang **kelima** adalah berkaitan dengan persoalan sekitar pengurusan jenazah dan kematian. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang soalan yang dikemukakan Munkar dan Nakir kepada si mati, hukum menyediakan tapak kubur untuk diri sendiri, hukum menjadikan tapak perkuburan lama orang bukan Islam sebagai tanah perkuburan Islam, hukum berada di tanah perkuburan pada waktu malam, dan orang yang mula-mula sekali mengebumikan jenazah.

3.3.4 *Kitāb al-Zakāh (Zakat)*

Kitāb al-Zakāh ini mengandungi tujuh *Bāb* dan 136 set soal-jawab. Dalam *Kitāb al-Zakāh* ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hukum-hakam berkaitan dengan zakat. Dalam hal ini, pengkaji dapat menyimpulkan **tiga** aspek perbincangan fiqh ‘ibadah Syeikh Daud mengenai zakat.

Aspek yang **pertama** adalah berkaitan jenis harta yang wajib dikeluarkan zakat. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan mengenai jenis harta yang wajib dikeluarkan zakat dan beberapa persoalan yang berkaitan dengannya. Antara contohnya ialah hukum zakat ke atas haiwan yang lahir daripada kacukan dua jenis haiwan yang salah satu daripadanya tidak diwajibkan zakat, hukum zakat ke atas lembu atau kerbau yang digunakan untuk membajak sawah, dan hukum zakat ke atas binatang ternakan yang mencari makan sendiri.

Aspek yang **kedua** adalah berkaitan dengan syarat wajib zakat binatang ternakan. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan berkaitan hukum mengeluarkan binatang ternakan yang cacat sebagai zakat, hukum mengeluarkan zakat ternakan yang tidak dilakukan pada beberapa tahun yang lepas, nisab yang

ditentukan bagi unta, kambing biri-biri dan kambing biasa, dan hukum bagi anak-anak binatang ternakan yang dilahirkan pada pertengahan tahun bagi binatang yang ada nisabnya.

Aspek yang **ketiga** adalah berkaitan dengan syarat wajib mengeluarkan zakat. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan mengenai hukum zakat ke atas dua individu yang berkongsi menternak binatang ternakan, hukum harta setiap individu yang tidak cukup nisab tetapi menjadi cukup apabila dikumpulkan, hukum zakat ke atas harta kanak-kanak, harta orang gila dan harta bayi (janin) yang belum dilahirkan, hukum mengeluarkan zakat terhadap harta wakaf yang cukup syarat wajib zakat, dan hukum zakat terhadap orang murtad.

3.3.4.1 *Bāb Zakāh al-Nābit* (Zakat Tanaman)

Bāb Zakāh al-Nābit merupakan subtajuk yang pertama dalam *Kitāb al-Zakāh*. *Bāb Zakāh al-Nābit* membincangkan tentang hukum-hakam berkaitan zakat tanaman. Dalam hal ini, pengkaji dapat menyimpulkan **tiga** aspek perbincangan fiqh ‘ibadah Syeikh Daud mengenai zakat tanaman.

Aspek yang **pertama** adalah berkaitan dengan jenis tanaman yang diwajibkan zakat. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan mengenai beberapa contoh jenis buah-buahan dan biji-bijian yang diwajibkan zakat, hukum zakat ke atas biji-bijian yang tumbuh sendiri, dan hukum mengeluarkan zakat ke atas biji-bijian yang sudah matang tetapi belum cukup masak untuk dituai.

Aspek yang **kedua** adalah berkaitan dengan nisab tanaman. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan mengenai kadar minimum nisab tanaman yang diwajibkan zakat, hukum mencampurkan beberapa jenis beras atau gandum untuk mencukupkan nisab, hukum mencampurkan tumbuhan yang dituai pada tahun yang

berlainan, hukum zakat ke atas seseorang yang syak tentang nisab tanamannya, hikmah kadar zakat tanaman yang berbeza-beza, hukum mengambil tumbuhan yang telah masak sebelum dikira nisabnya, dan hukum bertaklid dengan mazhab Hambali dalam soal pengambilan sedikit biji-bijian yang masih elok atau telah patah tangkainya untuk dimakan atau untuk dibuat hadiah sebelum dituai.

Aspek yang **ketiga** adalah berkaitan dengan permasalahan sekitar zakat tanaman. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang kewajipan zakat jatuhan ke atas pembeli kebun buah-buahan yang sedang berbuah atau kepada penjualnya, hukum tuan punya sawah membayar upah pekerjanya atau bersedekah daripada bahagian zakat padinya, hukum mengeluarkan zakat daripada tanaman yang sedang dituai, dan hukum meninggalkan beberapa batang pokok ketika membuat anggaran nisab zakat.

3.3.4.2 *Bāb Zakāh al-Dhahab wa al-Fiḍḍah* (Zakat Emas dan Perak)

Bāb Zakāh al-Dhahab wa al-Fiḍḍah merupakan subtajuk yang kedua dalam *Kitāb al-Zakāh*. *Bāb Zakāh al-Dhahab wa al-Fiḍḍah* membincangkan tentang hukum-hakam berkaitan zakat emas dan perak. Dalam hal ini, pengkaji dapat menyimpulkan **empat** aspek perbincangan fiqh ‘ibadah Syeikh Daud mengenai zakat emas dan perak.

Aspek yang **pertama** adalah berkaitan dengan nisab emas dan perak. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang kadar yang menyamai *mithqāl* atau *dirham*, dan kadar zakat emas dan perak.

Aspek yang **kedua** adalah berkaitan dengan syarat wajib zakat emas dan perak. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang sama ada emas dan perak (yang cukup nisab) tetapi diberi pinjam kepada orang lain (dalam tempoh

tertentu) dapat memutuskan perkiraan tempoh haulnya, dan sebab-sebab zakat emas dan perak perlu dikeluarkan apabila cukup setahun.

Aspek yang **ketiga** adalah berkaitan dengan beberapa permasalahan berkaitan zakat emas dan perak. Dalam hal ini Syeikh Daud membincangkan tentang hukum zakat ke atas emas dan perak yang bercampur dengan logam lain seperti tembaga, hukum zakat ke atas permata seperti intan, berlian dan zamrud, hukum zakat terhadap bekas yang diperbuat daripada campuran emas dan perak yang kuantiti salah satu daripadanya melebihi yang satu lagi tetapi tidak dapat dipastikan sama ada emas atau perak yang lebih, kadar zakat ke atas baju atau perkakas yang dibuat daripada emas atau perak zakatnya dikira mengikut harga atau mengikut timbangan, hukum zakat ke atas barang perhiasan yang dibuat daripada emas dan perak yang hendak dibaiki, hukum zakat ke atas seseorang wanita yang memperoleh harta pusaka dalam bentuk barang kemas (emas dan perak), hukum zakat ke atas bekas yang asalnya barang perhiasan dan atas sebab sesuatu kesulitan ia digunakan sebagai bekas untuk bersuci kerana tiada bekas yang lain, hukum zakat ke atas emas yang disimpan sebanyak 20 *mithqāl* (tidak digunakan) selama setahun.

Aspek yang **keempat** adalah berkaitan dengan adab berhias dengan emas dan perak. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan mengenai hukum bagi wanita dan kanak-kanak memakai barang kemas dan kain yang disulam dengan benang emas, hukum memakai cincin emas atau perak bagi lelaki, hukum seorang lelaki menghiasi senjata perangnya dengan dengan perak, hukum seorang lelaki menggunakan perkakas yang dibuat daripada emas atau perak yang diperolehi secara pinjaman, sewaan atau belian daripada seorang wanita.

3.3.4.3 *Bāb Zakāh al-Ma‘dan wa al-Rikāz wa al-Tijārah* (Zakat Galian, Harta Purba¹³ dan Perniagaan)

Bāb Zakāh al-Ma‘dan wa al-Rikāz wa al-Tijārah merupakan subtajuk yang ketiga dalam *Kitāb al-Zakāh*. *Bāb Zakāh al-Ma‘dan wa al-Rikāz wa al-Tijārah* membincangkan tentang hukum-hakam berkaitan zakat galian, harta purba dan perniagaan. Dalam hal ini, pengkaji dapat menyimpulkan **empat** aspek perbincangan fiqh ‘ibadah Syeikh Daud mengenai zakat galian, harta purba dan perniagaan.

Aspek yang **pertama** adalah berkaitan dengan konsep *al-Ma‘dan* dan *al-Rikāz*. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang konsep *al-Ma‘dan* dan *al-Rikāz* dan perbandingan antara konsep *al-Ma‘dan* dan *al-Rikāz*.

Aspek yang **kedua** adalah berkaitan dengan syarat wajib zakat galian, harta purba dan perniagaan. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan mengenai hukum zakat galian ke atas kanak-kanak, hamba dan kafir zimmi, kadar zakat bagi harta galian dan harta karun, keperluan mengambil kira tempoh hasil galian berada di dalam bumi sebelum wajib mengeluarkan zakat, sebab zakat galian dan harta karun tidak disyaratkan cukup tempoh setahun (haul), dan hukum menghimpunkan hasil galian atau harta karun untuk mencukupkan nisab.

Aspek yang **ketiga** adalah berkaitan dengan syarat wajib zakat perniagaan. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang kadar zakat yang diwajibkan ke atas harta perniagaan, cara pengiraan harta perniagaan untuk dizakatkan, cara mengeluarkan zakat ke atas jenis harta yang diwajibkan zakat (seperti binatang ternakan atau tanaman) yang diperniagakan.

Aspek yang **keempat** adalah berkaitan dengan permasalahan sekitar zakat galian, harta karun dan perniagaan. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan

¹³ Istilah ini diguna pakai dalam: Muṣṭafā al-Khin, Mustafa al-Bugha & Ali al-Syarbaji (2009), *al-Fiqh al-Manhajī ‘alā Madhāhib al-Imām al-Shāfi‘ī*. Zulkifli Mohamad al-Bakri *et al.* (terj.), j. 2. Bandar Baru Bangi (Selangor): Darul Syakir Enterprise, h. 29.

mengenai hukum zakat ke atas hasil galian yang diperolehi dari tanah yang diwakafkan, hukum zakat ke atas galian selain emas dan perak, hukum zakat ke atas harta karun yang dijumpai di permukaan bumi (timbul kerana dikorek binatang atau digenangi air), hukum mengambil harta karun yang diketahui milik seseorang, hukum zakat perniagaan dan zakat fitrah ke atas hamba yang diperniagakan.

3.3.4.4 *Bāb Zakāh al-Fiṭr* (Zakat Fitrah)

Bāb Zakāh al-Fiṭr merupakan subtajuk yang keempat dalam *Kitāb al-Zakāh*. *Bāb Zakāh al-Fiṭr* membincangkan tentang hukum-hakam berkaitan zakat fitrah. Dalam hal ini, pengkaji dapat menyimpulkan **dua** aspek perbincangan fiqh ‘ibadah Syeikh Daud mengenai zakat fitrah.

Aspek yang **pertama** adalah berkaitan syarat wajib zakat fitrah. Dalam hal ini, Syeikh Daud menerangkan syarat-syarat wajib mengeluarkan zakat fitrah. Selain itu, Syeikh Daud juga membincangkan beberapa persoalan berkaitan dengan syarat-syarat wajib mengeluarkan zakat fitrah. Antara contohnya ialah hukum zakat fitrah ke atas orang yang meninggal dunia selepas terbenam matahari pada akhir Ramadan, hukum zakat fitrah ke atas bayi yang dilahirkan sebelum terbenam matahari pada akhir Ramadan, hukum zakat fitrah ke atas hamba yang dimerdekakan pada akhir Ramadan, hukum zakat fitrah ke atas hamba yang dimiliki oleh dua orang, hukum zakat fitrah ke atas isteri yang Islam tetapi berada di bawah tanggungan suami yang kafir, hukum seorang suami membayar zakat fitrah untuk hamba yang dimiliki oleh isterinya, hukum zakat fitrah ke atas suami isteri yang berlainan mazhab, hukum zakat fitrah ke atas anak yang ditanggung oleh bapa yang miskin, hukum zakat fitrah ke atas seseorang yang hanya mampu mengeluarkan zakat fitrah untuk sebahagian daripada orang yang di bawah tanggungannya, makanan asasi yang afdal dikeluarkan

sebagai zakat fitrah, dan hukum mencampurkan dua jenis makanan asasi untuk mencukupkan nisab.

Aspek yang **kedua** adalah berkaitan dengan waktu mengeluarkan zakat fitrah. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang waktu yang afdal untuk membayar zakat fitrah, dan hukum zakat fitrah ke atas seseorang yang tidak mampu mengeluarkan zakat pada waktu wajib tetapi selepas itu dia mampu berbuat demikian.

3.3.4.5 *Bāb man Talzimuhu Zakāh al-Māl wa ma Tajib fīh* (Orang yang Diwajibkan Mengeluarkan Zakat Harta dan Harta yang Wajib Dibayar Zakatnya)

Bāb man Talzimuhu Zakāh al-Māl wa ma Tajib fīh merupakan subtajuk yang kelima dalam *Kitāb al-Zakāh*. *Bāb man Talzimuhu Zakāh al-Māl wa ma Tajib fīh* membincangkan tentang hukum-hakam berkaitan orang yang wajib mengeluarkan zakat harta dan harta yang wajib dibayar zakat. Dalam hal ini, pengkaji dapat menyimpulkan **dua** aspek perbincangan fiqh ‘ibadah Syeikh Daud mengenai orang yang wajib mengeluarkan zakat harta dan harta yang wajib dibayar zakat.

Aspek yang **pertama** adalah berkaitan dengan syarat-syarat orang yang diwajibkan zakat harta. Dalam hal ini, selain menghuraikan tentang syarat-syarat orang yang diwajibkan zakat harta, Syeikh Daud turut membincangkan beberapa persoalan sekitar perkara berkenaan. Antara contohnya ialah hukum zakat ke atas pemilik harta yang mempunyai hutang, dan hukum zakat ke atas harta yang diperuntukkan kepada bayi yang masih dalam kandungan.

Aspek yang **kedua** adalah berkaitan dengan harta yang wajib dibayar zakat. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan mengenai hukum zakat ke atas harta

yang dirampas, hilang atau dinafikan hak milik dan hukum mendahuluikan membayar hutang daripada mengeluarkan zakat.

3.3.4.6 *Bāb Zakāh al-Māl* (Zakat Harta)

Bāb Zakāh al-Māl merupakan subtajuk yang keenam dalam *Kitāb al-Zakāh*. *Bāb Zakāh al-Māl* membincangkan tentang hukum-hakam berkaitan zakat harta. Dalam hal ini, pengkaji dapat menyimpulkan **dua** aspek perbincangan fiqh ‘ibadah Syeikh Daud mengenai zakat harta.

Aspek yang **pertama** adalah berkaitan dengan konsep harta. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan mengenai takrif dan contoh harta yang dianggap sebagai harta zahir dan harta batin.

Aspek yang **kedua** adalah berkaitan dengan cara mengeluarkan zakat harta. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hukum melengahkan pembayaran zakat walaupun telah cukup semua syarat-syaratnya, lafaz niat ketika mengeluarkan zakat, hukum zakat bagi seseorang yang tidak dapat memastikan sama ada dia berniat atau tidak ketika mengeluarkan zakat, orang yang lebih layak berniat untuk mengeluarkan zakat jika pemilik harta merupakan seorang yang tidak sempurna akal, dan hukum pemerintah yang tidak berniat ketika mengagihkan zakat kepada orang yang berhak menerimanya.

3.3.4.7 *Bāb Ta‘jīl al-Zakāh* (Menangguhkan Pembayaran Zakat)

Bāb Ta‘jīl al-Zakāh merupakan subtajuk yang ketujuh dan terakhir dalam *Kitāb al-Zakāh*. *Bāb Ta‘jīl al-Zakāh* membincangkan tentang hukum-hakam berkaitan penangguhan pembayaran zakat. Dalam hal ini, pengkaji dapat menyimpulkan **dua**

aspek perbincangan fiqh ‘ibadah Syeikh Daud mengenai penangguhan pembayaran zakat.

Aspek yang **pertama** adalah berkaitan syarat sah menyegerakan zakat. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hukum bersegera mengeluarkan zakat, hukum menyegerakan zakat kambing yang cukup nisab tetapi belum cukup haul, hukum menyegerakan zakat ke atas harta yang tidak ada nisab, hukum menyegerakan zakat tumbuhan sebelum tanaman tersebut betul-betul masak, dan hukum seseorang yang menyegerakan zakat menuntut kembali harta zakat yang diberi kepada penerima zakat yang telah menjadi kaya (sebelum cukup haul harta yang diberikan kepadanya).

Aspek yang **kedua** adalah berkaitan dengan penangguhan pembayaran zakat. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hukum menjual harta yang belum dikeluarkan zakat, dan hukum menangguhkan pembayaran zakat fitrah sehingga ke waktu yang diwajibkan.

3.3.5 *Kitāb al-Ṣawm* (Puasa)

Kitāb al-Ṣawm ini mengandungi satu *Bāb* sahaja dan 66 set soal-jawab. Dalam *Kitāb al-Ṣawm* ini Syeikh Daud membincangkan tentang hukum-hakam berkaitan puasa wajib dan sunat. Dalam hal ini, pengkaji dapat menyimpulkan **lima** aspek perbincangan fiqh ‘ibadah Syeikh Daud mengenai puasa.

Aspek yang **pertama** adalah berkaitan dengan kaedah menentukan awal Ramadan dan awal Syawal. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang kaedah menentukan awal Ramadan melalui pendapat ahli falak, rukyah dan hisab.

Aspek yang **kedua** adalah berkaitan dengan rukun puasa. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang salah satu daripada rukun puasa iaitu niat.

Antara perkara yang dibincangkan tentang niat ialah waktu berniat, kaedah berniat dan lafaz niat puasa.

Aspek yang **ketiga** adalah berkaitan dengan perkara yang membatalkan puasa. Dalam hal ini, Syeikh Daud membicarakan mengenai beberapa permasalahan yang berkemungkinan boleh membatalkan puasa. Antara contohnya ialah melakukan perkara membatalkan puasa kerana kejahilannya, keluar kahak hingga had zahir mulut tetapi dimasukkan kembali ke dalam mulut, celak memasuki mata, menelan air liur, menggaru zakar sehingga keluar air mani, sendawa sehingga keluar sesuatu dari dalam perut, air masuk ke dalam rongga hidung dan telinga ketika mandi wajib, habuk tepung atau sampah masuk ke dalam mulut, tertelan makanan ketika merasanya, bersahur atau berbuka dalam keadaan syak tentang waktunya, dan meluahkan makanan dengan segera apabila menyedari fajar telah terbit.

Aspek yang **keempat** adalah berkaitan dengan syarat-syarat sah dan syarat-syarat wajib puasa. Dalam hal ini, selain menyenaraikan syarat-syarat sah dan syarat-syarat wajib puasa, Syeikh Daud turut membincangkan beberapa persoalan yang berkaitan. Antara contohnya ialah hukum meninggalkan niat puasa jika ditimpa penyakit yang boleh memudaraskan diri jika berpuasa, syarat-syarat yang mengharuskan seorang musafir berbuka puasa, dan hukum mengqada puasa bagi orang kafir asal apabila memeluk Islam, kanak-kanak apabila baligh atau orang gila apabila kembali siuman.

Aspek yang **kelima** adalah berkaitan dengan qada puasa, fidyah dan kafarah. Dalam hal ini Syeikh Daud membincangkan berkaitan situasi yang menyebabkan seseorang itu wajib qada puasa sahaja, wajib membayar fidyah sahaja, wajib qada dan fidyah sekaligus atau wajib kafarah. Antara contohnya ialah orang yang meninggal dunia sebelum sempat mengqada puasa Ramadan atau puasa kifarat sama

ada kerana keuzuran atau disengajakan, orang yang terlalu tua dan pesakit yang tidak mampu berpuasa serta tiada harapan pula untuk sembah, orang yang berbuka puasa kerana bimbang keselamatan diri sendiri dan orang lain, hukum orang yang melengah-lengahkan qada puasa Ramadan sehingga bertemu Ramadan berikutnya dan hukum orang yang sengaja membatalkan puasa dengan melakukan persetubuhan.

3.3.5.1 *Bāb Ṣawm al-Taṭawwū‘* (Puasa Sunat)

Bāb Ṣawm al-Taṭawwū‘ merupakan subtajuk dalam *Kitāb al-Ṣawm*. *Bāb Ṣawm al-Taṭawwū‘* membincangkan tentang hukum-hakam sekitar puasa sunat. Dalam hal ini, pengkaji dapat menyimpulkan **tiga** aspek perbincangan fiqh ‘ibadah Syeikh Daud mengenai puasa sunat.

Aspek yang **pertama** adalah berkaitan dengan jenis-jenis puasa sunat. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hari yang paling baik untuk melakukan puasa sunat, dan jenis puasa sunat yang lebih afdal.

Aspek yang **kedua** adalah berkaitan dengan puasa yang dihukum makruh. Dalam hal ini Syeikh Daud membincangkan tentang hari-hari yang dimakruhkan puasa, dan ciri-ciri puasa yang dihukum makruh.

Aspek yang **ketiga** adalah berkaitan dengan persoalan sekitar puasa sunat. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hukum melakukan puasa sunat Syawal dalam bulan Zulkaedah, dan hukum seseorang wanita berpuasa sunat tanpa izin suaminya.

3.3.6 *Kitāb al-I‘tikāf* (Iktikaf)

Kitāb al-I‘tikāf ini mengandungi 14 set soal-jawab. Dalam *kitāb al-I‘tikāf* ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hukum-hakam yang berkaitan dengan iktikaf. Dalam

hal ini, pengkaji menyimpulkan ada **empat** aspek perbincangan fiqh ‘ibadah Syeikh Daud mengenai iktikaf.

Aspek yang **pertama** adalah berkaitan dengan konsep iktikaf. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang takrif iktikaf dari segi bahasa dan istilah (syarak).

Aspek yang **kedua** adalah berkaitan dengan rukun iktikaf. Dalam hal ini, selain memberi penerangan tentang rukun-rukun iktikaf, Syeikh Daud turut membincangkan tentang persoalan yang berkaitan dengan rukun iktikaf. Antara contohnya ialah hukum iktikaf yang dilakukan di atas dahan pokok yang tumbuh di dalam masjid atau pokok yang tumbuh di luar masjid tetapi dahannya masuk ke dalam masjid, hukum orang yang berhadas besar ketika beriktikaf, dan hukum iktikaf orang yang gila dan orang yang pitam.

Aspek yang **ketiga** adalah berkaitan dengan iktikaf yang dinazarkan. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hukum seseorang yang bernazar untuk beriktikaf di tempat tertentu atau beriktikaf pada masa yang tertentu, dan hukum seseorang yang bernazar untuk beriktikaf secara berturut-turut tetapi dalam tempoh iktikaf itu dia mabuk, murtad, haid, sakit, atau keluar dari masjid kerana kebakaran atau terlupa.

Aspek yang **keempat** adalah berkaitan dengan beberapa persoalan sekitar iktikaf. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan mengenai hukum iktikaf kanak-kanak dan hamba perempuan di masjid yang diwakafkan, dan hukum iktikaf seorang perempuan di tempat solat yang disediakan khusus untuk perempuan bukannya di masjid.

3.3.7 *Kitāb al-Hajj wa al-'Umrah* (Haji dan Umrah)

Kitāb al-Hajj wa al-'Umrah ini mengandungi 5 *Bāb*, dua *Faṣal* dan 187 set soal-jawab. Dalam *Kitāb al-Hajj wa al-'Umrah* ini, Syeikh Daud membincangkan mengenai hukum-hakam yang berkaitan dengan haji dan umrah. Dalam hal ini, pengkaji dapat menyimpulkan **empat** aspek perbincangan fiqh ‘ibadah Syeikh Daud mengenai haji dan umrah.

Aspek yang **pertama** adalah berkaitan dengan syarat wajib haji. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hukum seseorang yang mempunyai harta untuk menunaikan haji tetapi dalam masa yang sama sangat ingin berkahwin, hukum seseorang yang ada kemampuan dan berazam untuk menunaikan haji tetapi mati sebelum sempat melakukannya, hukum haji bagi kanak-kanak yang telah mumaiyiz tanpa izin walinya, hukum melambat-lambatkan haji walaupun telah cukup syarat, syarat ‘*istiṭā'ah bi ghairih dan bi nafsih*’, dan hukum haji bagi orang yang bodoh (*safīh*) dan orang yang dihalang daripada mengurus hartanya (*mahjūr*).

Aspek yang **kedua** adalah berkaitan dengan upah haji. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hukum menunaikan haji bagi orang yang telah meninggal dunia dan hukum seseorang itu mengambil upah haji sedangkan dia sendiri belum menunaikan haji.

Aspek yang **ketiga** adalah berkaitan dengan wali yang menunaikan haji bersama kanak-kanak. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hukum wali memastikan kanak-kanak di bawah jagaannya melaksanakan haji dengan cara yang betul, dan hukum kanak-kanak yang berjimak ketika ihram.

Aspek yang **keempat** adalah berkaitan dengan persoalan sekitar haji dan umrah. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hukum seseorang yang bernazar untuk menunaikan haji tetapi masih belum menunaikan haji fardu lagi,

tuntutan haji dan umrah dalam syariat nabi-nabi sebelum nabi Muhammad, keutamaan antara haji dan solat, dan hukum mendahulukan haji sunat daripada umrah.

3.3.7.1 *Bāb al-Mawāqīt* (*Mīqāt*)

Bāb al-Mawāqīt merupakan subtajuk yang pertama dalam *Kitāb al-Hajj wa al-'Umrah*. *Bāb al-Mawāqīt* membincangkan tentang hukum-hakam berkaitan dengan *mīqāt*. Dalam hal ini, pengkaji dapat menyimpulkan **dua** aspek perbincangan fiqh ‘ibadah Syeikh Daud mengenai *mīqāt*.

Aspek yang **pertama** adalah berkaitan dengan *mīqāt zamānī*. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan mengenai takrif *mīqāt zamānī* dari segi bahasa dan istilah (syarak), dan waktu menunaikan haji dan umrah.

Aspek yang **kedua** adalah berkaitan dengan *mīqāt makānī*. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang *mīqāt* bagi penduduk Mekah yang mengambil upah haji untuk orang yang tinggal di luar Mekah, dan *mīqāt* bagi orang yang tinggal antara *mīqāt* dan Mekah.

3.3.7.2 *Bāb al-Ihrām* (Ihram)

Bāb al-Ihrām merupakan subtajuk yang kedua dalam *Kitāb al-Hajj wa al-'Umrah*. *Bāb al-Ihrām* membincangkan tentang hukum-hakam berkaitan ihram. Dalam hal ini, pengkaji dapat menyimpulkan **tiga** aspek perbincangan fiqh ‘ibadah Syeikh Daud mengenai ihram.

Aspek yang **pertama** adalah berkaitan dengan konsep ihram. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan mengenai takrif ihram dari segi istilah (syarak).

Aspek yang **kedua** adalah berkaitan dengan niat ihram. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hukum menentukan niat ihram sama ada untuk haji atau umrah, hukum berniat ihram mutlak, dan waktu yang sesuai untuk berniat ihram.

Aspek yang **ketiga** adalah berkaitan dengan perkara yang sunat dilakukan ketika berihram. Dalam hal ini, Syeikh menerangkan tentang perkara yang sunat dilakukan ketika berihram. Selain itu, Syeikh Daud juga membincangkan beberapa persoalan berkaitan. Antara contohnya ialah hukum meninggikan suara ketika talbiah, dan perkara yang disunatkan ketika ihram selain selawat dan doa.

3.3.7.3 *Bāb Ṣifah al-Nusuk* (Tatacara Ibadah Haji)

Bāb Ṣifah al-Nusuk merupakan subtajuk yang ketiga dalam *Kitāb al-Hajj wa al-'Umrah*. *Bāb Ṣifah al-Nusuk* membincangkan tentang hukum-hakam berkaitan dengan tatacara dalam melaksanakan ibadah haji. Dalam hal ini, pengkaji dapat menyimpulkan **dua** aspek perbincangan fiqh 'ibadah Syeikh Daud mengenai tatacara dalam melaksanakan ibadat haji.

Aspek yang **pertama** adalah berkaitan dengan perkara yang disunatkan ketika haji. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan mengenai perkara yang disunatkan apabila masuk ke Mekah dan tempat yang afdal dikunjungi oleh orang yang berihram haji.

Aspek yang **kedua** adalah berkaitan dengan tawaf. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan mengenai perkara yang menyebabkan tawaf *qudūm* tidak dapat dilakukan, dan hukum ihram bagi orang yang masuk ke Mekah untuk berziarah.

3.3.7.3.1 *Faṣl fī mā Yuṭlab fī al-Ṭawāf* (Perbuatan yang Dituntut Ketika Tawaf)

Faṣl fī mā Yuṭlab fī al-Ṭawāf merupakan pecahan tajuk pertama di bawah subtajuk *Bāb Ṣifah al-Nusuk* dalam *Kitāb al-Hajj wa al-‘Umrah*. *Faṣl fī mā Yuṭlab fī al-Ṭawāf* membincangkan tentang hukum-hakam berkaitan perbuatan yang dituntut ketika tawaf. Dalam hal ini, pengkaji dapat menyimpulkan **dua** aspek perbincangan fiqh ‘ibadah Syeikh Daud mengenai perbuatan yang dituntut ketika tawaf.

Aspek yang **pertama** adalah berkaitan dengan syarat sah tawaf. Dalam hal ini, Syeikh Daud menjelaskan tentang syarat sah tawaf. Di samping itu, Syeikh Daud turut membincangkan persoalan yang berkaitan dengannya. Antara contohnya ialah hukum tawaf dalam keadaan berlumuran dengan najis (seperti tahi burung dan tahi binatang lain yang sukar dielakkan), hukum tawaf jika terbuka aurat, terbatal wuduk atau terkena najis, hukum tawaf dalam keadaan berbogel kerana tidak mampu menutup aurat, hukum wanita yang kedatangan haid sebelum sempat tawaf rukun tetapi tidak dapat untuk tinggal lama di Mekah kerana masalah kewangan, hukum tawaf bagi seseorang yang syak tentang bilangan tawaf yang telah dilakukan dan hukum tawaf dengan menaiki atau menarik sesuatu kenderaan.

Aspek yang **kedua** adalah berkaitan dengan sunat-sunat tawaf. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hukum orang yang mengucup hajarulaswad atau *istilām* dengan sebahagian tubuhnya termasuk ke dalam Baitullah, hukum seseorang yang tidak mampu *istilām* dengan tangan untuk ber*istilām* dengan kepala atau kaki, dan hikmah disunatkan *istilām* pada dua rukun iaitu *Shāmī* dan *‘Irāqī*.

3.3.7.3.2 *Faṣl fī al-Wuqūf bi ‘Arafah* (Wukuf di ‘Arafah)

Faṣl fī al-Wuqūf bi ‘Arafah merupakan pecahan tajuk kedua di bawah subtajuk *Bāb Ṣifah al-Nusuk* dalam *Kitāb al-Hajj wa al-‘Umrah*. *Faṣl fī al-Wuqūf bi ‘Arafah*

membincangkan tentang hukum-hakam berkaitan wukuf di ‘Arafah. Dalam hal ini, pengkaji dapat menyimpulkan **lapan** aspek perbincangan fiqh ‘ibadah Syeikh Daud tentang wukuf di ‘Arafah.

Aspek yang **pertama** adalah berkaitan dengan syarat sah wukuf. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan mengenai tempoh masa wukuf di ‘Arafah, bermalam di Muzdalifah serta bermalam di Mina, hukum wukuf di atas pokok yang tumbuh di luar ‘Arafah tetapi dahannya berada di atas bumi ‘Arafah atau sebaliknya, dan hukum orang yang berwukuf pada hari ke-8, ke-10 atau ke-11 Zulhijah.

Aspek yang **kedua** adalah berkaitan dengan perkara sunat dalam haji. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang perkara yang disunatkan dalam khutbah pada hari ‘Arafah, hukum imam membaca khutbah pada 7 Zulhijah dalam keadaan berihram, perkara yang perlu diajar oleh khatib kepada para jemaah haji dalam khutbah kedua (pada hari wukuf) di masjid Ibrāhīm, waktu yang afdal mengutip batu untuk melontar di jamrah, hukum memperbanyakkan tawaf dan umrah, pintu yang disunatkan keluar selepas tawaf *wada* ‘ dan doa yang sunat dibaca, waktu afdal menziarahi Madinah, dan perkara yang disunatkan ketika menziarahi Madinah.

Aspek yang **ketiga** adalah berkaitan dengan sejarah penamaan sesuatu tempat dan tarikh tertentu. Dalam hal ini Syeikh Daud membincangkan tentang sebab penamaan ‘Arafah, sebab dinamakan hari ke-7 hingga ke-13 Zulhijah dengan nama tertentu, sebab penamaan Muzdalifah dan sebab penamaan air zamzam.

Aspek yang **keempat** adalah berkaitan dengan bermalam di Muzdalifah dan Mina. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan mengenai tempoh wajib bermalam di Muzdalifah, hukum orang yang tidak dapat bermalam di Muzdalifah, dan hukum bermalam di Mina.

Aspek yang **kelima** adalah berkaitan dengan *nafar awwal*. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang syarat-syarat *nafar awwal*, hukum berniat *nafar awwal* tetapi berazam hendak kembali ke Mina, dan kadar wajib dalam bercukur atau bergunting.

Aspek yang **keenam** adalah berkaitan dengan melontar. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang waktu yang afdal mengutip batu untuk melontar, syarat-syarat sah melontar, dan hukum mewakilkan orang lain untuk melontar.

Aspek yang **ketujuh** adalah berkaitan dengan tawaf. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hukum seseorang yang keluar dari Mekah kerana sesuatu keperluan untuk kembali semula ke Mekah bagi melakukan tawaf *wadā‘*, hukum seorang penduduk pulang ke Mina selepas melakukan tawaf dan sai, dan hukum seseorang pergi ke *multazam* dan minum air zamzam ketika sedang bertawaf.

Aspek yang **kelapan** adalah berkaitan dengan persoalan hukum sekitar ibadah haji. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang rukun haji dan umrah, cara mengerjakan haji yang paling afdal, beza antara rukun haji dan wajib haji, dan dam yang dikenakan kepada orang yang melakukan haji *tamatṭu‘* dan haji *qirān* serta sebab-sebabnya.

Walaupun tajuk bagi *faṣal* ini ialah tentang wukuf di ‘Arafah, pengkaji mendapati hanya sedikit sahaja perbincangan yang dibuat tentang wukuf di ‘Arafah. Perbincangan yang lain bercampur-aduk walaupun masih berkaitan dengan tatacara melakukan ibadat haji.

3.3.7.4 *Bāb Ma Ḥarram bi al-Iḥrām* (Larangan Ketika Berihram)

Bāb Ma Ḥarram bi al-Iḥrām merupakan subtajuk yang keempat dalam *Kitāb al-Hajj wa al-'Umrah*. *Bāb Ma Ḥarram bi al-Iḥrām* membincangkan tentang hukum-hakam berkaitan larangan ketika berihram. Dalam hal ini, pengkaji dapat menyimpulkan **dua** aspek perbincangan fiqh ‘ibadah Syeikh Daud mengenai larangan ketika berihram.

Aspek yang **pertama** adalah berkaitan dengan perkara yang dilarang dalam ihram. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang pakaian yang haram dipakai oleh lelaki dan perempuan, hukum memakai minyak yang tidak berbau pada tubuh dan kepala, hukum memakai wangian yang diikat pada kain, hukum duduk di atas hamparan yang disapu minyak wangi sehingga terkena pada pakaian, hukum mencabut kulit di kepala hingga tercabut rambutnya sekali, hukum memakai baju berlapis-lapis, hukum memakai minyak pada seurat rambut, hukum orang yang berihram mencukur kepala orang yang tidak berihram, hukum memotong bulu yang tumbuh dalam mata, memotong rambut yang menutupi mata atau memotong kuku yang terkoyak, hukum memotong seurat rambut sebanyak tiga kali, hukum mencabut tiga urat rambut secara berturut-turut pada satu masa dan tempat, hukum mengucup wanita secara berulang-ulang, hukum melihat wanita atau lelaki dengan syahwat, jenis binatang buruan yang haram ke atas orang yang sedang berihram, hukum memburu binatang yang merupakan kacukan antara binatang liar yang halal dan haram, hukum melepaskan binatang buruan apabila hendak berihram, hukum memburu binatang yang berak merata-rata sehingga terkena pakaian dan anggota badan para jemaah haji, hukum orang yang berihram makan binatang buruan yang bukan diburu di tanah haram, hukum mencabut tumbuhan yang ditanam atau tumbuh sendiri di tanah haram, hukum memindahkan batu di tanah haram ke tempat lain (di

luar tanah haram), dan hukum melakukan larangan-larangan dalam ihram dalam keadaan jahil.

Aspek yang **kedua** adalah berkaitan dengan dam. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang takrif dan jenis dam yang dikenakan kepada orang yang mencacatkan hajinya.

3.3.7.5 *Bāb al-Iḥṣār wa al-Fawāt* (Terhalang dan Terlepas Wukuf)

Bāb al-Iḥṣār wa al-Fawāt merupakan subtajuk yang kelima dalam *Kitāb al-Hajj wa al-'Umrah*. *Bāb al-Iḥṣār wa al-Fawāt* membincangkan tentang hukum-hakam berkaitan orang yang terhalang atau disekat daripada melaksanakan rukun haji atau umrah dalam keadaan berihram dan orang yang terlepas wukuf di ‘Arafah. Dalam hal ini, pengkaji dapat menyimpulkan **dua** aspek perbincangan fiqh ‘ibadah Syeikh Daud mengenai orang yang terhalang atau disekat daripada melaksanakan rukun haji atau umrah dalam keadaan berihram dan orang yang terlepas wukuf di ‘Arafah.

Aspek yang **pertama** adalah berkaitan dengan orang yang terhalang atau disekat daripada melaksanakan rukun haji atau umrah. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang perkara yang perlu dilakukan oleh orang yang disekat oleh pihak musuh dari memasuki Mekah untuk melaksanakan ibadah haji, hukum orang yang terhalang itu berniat ketika membayar dam, dan hukum seorang suami memaksa isterinya untuk bertahallul, dan hukum orang yang terhalang untuk mengulangi ibadah haji.

Aspek yang **kedua** adalah berkaitan dengan terlepas wukuf di ‘Arafah. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hukum orang terlepas wukuf di ‘Arafah mengulangi hajinya, dan hukum seseorang yang mensyaratkan dalam niat ihram bahawa dia akan bertahallul dan membayar dam jika berlaku sebarang

keuzuran (seperti terlepas wukuf) ataupun mensyaratkan dalam niat ihram untuk menukar haji kepada umrah jika berlaku sebarang halangan.

3.3.8 *Kitāb al-Adhiyah* (Korban)

Kitāb al-Adhiyah ini mengandungi satu *Bāb* dan 33 set soal-jawab. Dalam *Kitāb al-Adhiyah* ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hukum-hakam yang berkaitan dengan korban. Dalam hal ini, pengkaji dapat menyimpulkan **tujuh** aspek perbincangan fiqh ‘ibadah Syeikh Daud mengenai korban.

Aspek yang **pertama** adalah berkaitan dengan konsep korban. Dalam hal ini Syeikh Daud membincangkan tentang definisi korban dari segi bahasa dan istilah (syarak).

Aspek yang **kedua** adalah berkaitan dengan hukum korban. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hukum korban yang asal iaitu sunat *muakkad* dan bagaimana hukum itu boleh berubah menjadi wajib dalam situasi tertentu. Turut dibincangkan ialah mengenai mereka yang dituntut melakukan ibadat korban.

Aspek yang **ketiga** adalah berkaitan dengan sunat-sunat korban. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang perkara yang sunat dilakukan oleh orang yang berkorban dan perkara yang sunat dilakukan dalam pembahagian daging korban.

Aspek yang **keempat** adalah berkaitan dengan syarat-syarat sah korban. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang syarat orang yang hendak menyembelih binatang korban, syarat-syarat binatang yang hendak dikorbankan, dan hukum jika berlaku kecacatan (*‘ayb*) pada binatang yang hendak dikorbankan pada ketika binatang itu direbahkan untuk disembelih.

Aspek yang **kelima** adalah berkaitan dengan waktu menyembelih binatang korban. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hukum melakukan korban selepas solat Hari Raya Aidiladha.

Aspek yang **keenam** adalah berkaitan dengan niat. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hukum mewakilkan niat kepada orang lain, waktu yang sepatutnya berniat korban, hukum menggabungkan pelbagai niat pada seekor lembu, kerbau atau unta; seperti niat untuk akikah, korban atau fidyah haji, dan hukum berniat korban untuk orang lain tanpa kebenarannya.

Aspek yang **ketujuh** adalah berkaitan dengan persoalan sekitar ibadah korban. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan hukum orang yang berkorban itu mencukur rambut dan memotong kuku pada 10 Zulhijah dan Hari Tasyrik, hukum memindahkan korban ke tempat lain yang bukan tempat tinggal orang yang hendak berkorban, dan hukum anak dalam kandungan binatang yang dijadikan korban.

3.3.8.1 *Bāb fī al-Nasīkah (Akikah)*

Bāb fī al-Nasīkah ini merupakan subtajuk dalam *Kitāb al-Adhiyah*. *Bāb fī al-Nasīkah* membincangkan tentang hukum-hakam yang berkaitan dengan akikah. Dalam hal ini, pengkaji dapat menyimpulkan **lima** aspek perbincangan fiqh ‘ibadah Syeikh Daud mengenai akikah.

Aspek yang **pertama** adalah berkaitan dengan konsep akikah. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang takrif akikah dari segi bahasa dan istilah (syarak), dan sebab akikah dinamakan juga sebagai *al-Nasīkah*.

Aspek yang **kedua** adalah berkaitan dengan orang yang dituntut melakukan akikah. Dalam hal ini, Syeikh Daud menjelaskan individu yang dipertanggungjawabkan untuk melakukan akikah berserta syarat-syaratnya.

Aspek yang **ketiga** adalah berkaitan dengan kadar akikah. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan mengenai perbezaan kadar akikah bagi anak lelaki dan anak perempuan.

Aspek yang **keempat** adalah berkaitan dengan perbandingan antara akikah dan korban. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan mengenai syarat-syarat binatang ternakan untuk akikah yang sama dengan korban dan perbezaan antara akikah dan korban dalam cara pembahagian daging binatang yang disembelih.

Aspek yang **kelima** adalah berkaitan dengan amalan yang dituntut ketika menyambut kelahiran anak. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan mengenai amalan yang dituntut pada hari ketujuh kelahiran anak dan hukum memberi nama kepada anak yang mati atau gugur.

3.3.9 *Kitāb al-At‘imah* (Makanan)

Kitāb al-At‘imah ini mengandungi 19 set soal-jawab. Dalam *Kitāb al-At‘imah* ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hukum-hakam yang berkaitan dengan makanan. Dalam hal ini, pengkaji dapat menyimpulkan **tiga** aspek perbincangan fiqh ‘ibadah Syeikh Daud mengenai makanan.

Aspek yang **pertama** adalah berkaitan dengan binatang yang halal dan haram dimakan. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang binatang laut dan darat yang halal dan haram dimakan dan sebab-sebab pengharaman sesuatu binatang itu.

Aspek yang **kedua** adalah berkaitan dengan hukum memakan makanan yang ada keraguan mengenainya (sama ada halal atau haram dimakan). Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hukum memakan daging dan buah-buahan yang mengandungi ulat, hukum memakan hasil buruan orang yang berihram

(*muhrim*), hukum memakan binatang yang tidak disebut dalam nas al-Quran atau hadis, dan hukum memakan binatang dan tanaman yang berasal dari sumber bernajis seperti diberi makan atau baja najis, hukum memakan bangkai atau makanan yang haram ketika berada dalam keadaan sangat lapar dan hukum memakan buah-buahan yang dipungut (setelah jatuh) di kebun orang.

Aspek yang **ketiga** adalah berkaitan dengan adab terhadap makanan. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hukum mencela makanan, dan hukum makan berlebih-lebihan atau sehingga terlalu kenyang.

3.3.10 *Kitāb al-Šayd wa al-Dhabā’ih* (Perburuan dan Penyembelihan)

Kitāb al-Šayd wa al-Dhabā’ih ini mengandungi 20 set soal-jawab. Dalam *Kitāb al-Šayd wa al-Dhabā’ih* ini, Syeikh Daud membincangkan tentang hukum-hakam yang berkaitan dengan perburuan dan penyembelihan. Dalam hal ini, pengkaji dapat menyimpulkan **empat** aspek perbincangan fiqh ‘ibadah Syeikh Daud mengenai perburuan dan penyembelihan.

Aspek yang **pertama** adalah berkaitan dengan syarat sah sembelihan. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang syarat sah sembelihan yang terbahagi kepada empat iaitu penyembelihan, orang yang menyembelih (penyembelih), binatang yang disembelih dan alat penyembelihan.

Aspek yang **kedua** adalah berkaitan dengan cara yang disyariatkan dalam perburuan. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang cara menggunakan anjing untuk berburu dan benda tajam yang boleh digunakan untuk berburu, seperti anak panah yang mampu melukakan haiwan serta membunuhnya.

Aspek yang **ketiga** adalah berkaitan dengan jenis penyembelihan. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan tentang jenis penyembelihan yang sesuai

dilakukan terhadap unta, dan jenis penyembelihan yang sesuai dilakukan terhadap binatang yang sukar disembelih secara biasa seperti binatang yang jatuh dalam telaga.

Aspek yang **keempat** adalah berkaitan dengan pemilikan binatang yang diburu. Dalam hal ini, Syeikh Daud membincangkan keadaan yang membolehkan atau tidak membolehkan seseorang memiliki binatang yang diburunya. Antara contohnya ialah seseorang itu menangkap sesuatu binatang lalu dipatahkan kaki atau sayapnya, seseorang membuat perangkap binatang lalu masuk sesuatu binatang ke dalamnya, seseorang membuat sarang burung di rumah dan burung yang bersarang di situ akan ditangkap, dan dua orang yang secara bersama mematikan atau mencederakan sesuatu binatang.

Sebagai rumusannya, setiap *kitāb* yang terdapat dalam *Furū‘ al-Masā’il* dibincangkan secara komprehensif. Semua perkara asas dalam perbahasan fiqh ‘ibadah seperti konsep, hukum, rukun, syarat dan hikmah disentuh melalui soal-jawab yang dikemukakan. Tambahan pula, setiap persoalan diberi perincian yang sewajarnya melalui soalan-soalan yang berkaitan dengan persoalan pokok.

Selain daripada itu, soalan yang dibincangkan dalam fiqh ‘ibadah ini dapat dikategorikan kepada empat elemen. *Pertama*, soalan yang pelik dan luar biasa seperti yang dikemukakan dalam *Kitāb Ṣalāh*, iaitu *Bāb Shurūt al-Ṣalāh* (Syarat-syarat Sah Solat) berkenaan hukum menutup aurat melewati paras lutut (dalam solat bagi seorang lelaki yang mempunyai zakar yang terlalu panjang sehingga melewati paras lutut dalam *Kitāb al-Ṣalāh* mengenai *Bāb Shurūt al-Ṣalāh*).¹⁴ *Kedua*, elemen sejarah seperti yang dapat dilihat dalam *Kitāb al-Hajj wa al-‘Umrah* melalui *Faṣl fī*

¹⁴ S. 111, h. 76; Contoh lain: *Kitāb Ṣalāh*, iaitu *Bāb Sifah al-Ṣalāh* (s. 84, h. 69 dan s. 381, h. 140), *Kitāb Tahārah* (s. 82, h.33 dan s. 118, h. 38).

al-Wuqūf bi ‘Arafah mengenai penamaan ‘Arafah,¹⁵ Muzdalifah,¹⁶ air zamzam,¹⁷ Mina, dan hari ke-7 hingga ke-13 Zulhijjah.¹⁸ Ketiga, elemen mistik seperti yang dinyatakan dalam *Kitāb Jināzah* dalam *Faṣl fī Takfīn al-Mayyit wa Ḥamlīh* berkenaan perkara yang menyebabkan orang yang mengusung jenazah kadang-kadang terhenti seketika dan kadang-kadang mengundur ke belakang.¹⁹ Keempat, elemen futuristik seperti yang dikemukakan dalam *Kitāb al-Ṣalāh* dalam *Bāb Ṣalāh al-Kusūfayn* berkaitan cara solat Gerhana ketika kedatangan Dajal.²⁰

3.4 KAEDAH PENYELESAIAN MASALAH DALAM FIQH ‘IBADAH YANG DIAPLIKASI OLEH SYEIKH DAUD

Secara keseluruhannya semua 1302 soalan yang dikemukakan dalam bidang ‘ibadah ini telah dijawab dengan baik dan jelas oleh Syeikh Daud. Berdasarkan penelitian pengkaji, terdapat beberapa kaerah yang diaplikasi oleh Syeikh Daud dalam menjawab pelbagai persoalan yang dikemukakan dalam kitab *Furu‘ al-Masa‘il*. Kaerah-kaerah tersebut boleh dikategorikan kepada tiga kaerah umum seperti berikut:

1. Menyatakan pendapat yang disepakati oleh jumhur ulama dalam mazhab Syafii. Pendapat yang disepakati oleh jumhur ulama ini dinyatakan melalui tiga bentuk. **Pertama**, pendapat yang disepakati itu dinyatakan secara terus tanpa sebarang sumber rujukan. Contohnya soalan 67 (selepas ini soalan

¹⁵ S. 72, h. 239, dalam *Kitāb al-Hajj wa al-'Umrah*, iaitu *Faṣl fī Wuqūf bi ‘Arafah* (Wukuf di ‘Arafah).

¹⁶ S. 87, h. 242.

¹⁷ S. 109, h. 246

¹⁸ S. 76, h. 239-240; Contoh lain mengenai elemen sejarah ini dapat dilihat dalam *Kitāb al-Janā'iz* (s. 33, h. 158, s. 55, h. 163 dan s. 105, h. 175).

¹⁹ S. 55, h. 163, dalam *Kitāb al-Janā'iz*, iaitu *Faṣl fī Takfīn al-Mayyit*.

²⁰ Contoh lain: *Bāb al-Ghusl* (s. 82, h.33), *Bāb al-Najārah* (s. 118, h. 38), *Bāb Ṣifāt al-Ṣalāh* (s. 84, h. 69), *Bāb Shurūt al-Ṣalāh* (s. 111, h. 76).

akan ditulis ‘s.’ sahaja), pada halaman 29-30 (selepas ini halaman akan ditulis ‘h.’ sahaja) dalam *kitāb Tahārah*:²¹

“(Su’ila radiy Allāhu ‘anhu) Jika kena duri anggota wuduk dan patah di dalamnya dan tinggal di dalamnya tiada dapat dilihat dirasanya jua maka adakah sah wuduknya dengan yang demikian itu atau tiada (Maka dijawabnya) dengan bahawa sahlah wuduknya dan wajib dibasahnya barang yang kelilingnya kerana zahir dan barang yang tertutup oleh durinya itu batin namanya maka jika ada ia sekira-kira jikalau ditinggalkan dia berlubang tempatnya tiada sah wuduknya hingga ditanggalkan dia.”

Kedua, pendapat yang disepakati itu dinyatakan melalui perkataan seperti *qawl* yang *mu’tamad*, yang *mu’tamad*, *qawl* yang *aṣaḥḥ*, *qawl* yang *sah*, *qawl* yang *ṣaḥīḥ*, *qawl* yang *tahqīq*, *qawl* yang *rājiḥ*, dan *qawl* yang *ażhar*. Contohnya s. 371, h. 139 dalam *kitāb al-Salāh*:

“(Su’ila radiy Allāhu ‘anhu) Adakah jika berniat pada sembahyang *Kusūf* seperti sunat Zuhur boleh dengan lebihkan rukuk pada tiap-tiap rakaat atau tiada (Maka dijawabnya) Dengan bahawasanya tiada boleh atas *qawl* yang *mu’tamadnya*.”

Ketiga, pendapat yang disepakati itu dinyatakan bersama rujukan terhadap ulama tertentu sama ada seorang atau lebih, dinyatakan rujukan terhadap sesebuah kitab berserta ulama yang menulisnya atau dinyatakan rujukan terhadap sesebuah kitab sahaja tanpa menyebut nama ulama yang menulisnya. Contohnya s. 89, h. 70 dalam *kitāb al-Salāh*:²²

“(Su’ila radiy Allāhu ‘anhu) Jika membaca pada tahiyyat (iaitu ﴿يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ وَرَحْمَتُهُ وَبَرَكَاتُهُ﴾) adakah membatalkan sembahyangnya atau tiada (Maka dijawabnya) Telah me[m]fatwa Ibn Ḥajar batal sembahyang daripada yang mengetahui dan yang ia *i’timād* pada *Tuhfah* tiada batal demikian kata

²¹ Terdapat banyak lagi contoh lain yang meliputi tidak kurang 26.9 peratus set soalan-jawapan yang terdapat dalam bahagian ‘ibadah.

²² Terdapat banyak lagi contoh lain yang meliputi tidak kurang 73.1 peratus set soalan-jawapan yang terdapat dalam bahagian ‘ibadah.

Shaykh Ibn Qāsim tiada batal jikalau disengajanya sekalipun *intahā Hāshiyah*.²³

2. Menyenaraikan pendapat beberapa ulama yang saling bertentangan. Namun begitu, beliau tidak melakukan *tarjīh*²³ terhadap pendapat-pendapat berkenaan atau menyatakan kecenderungannya terhadap pendapat tertentu. Contohnya dapat dilihat dalam s.274, h.119 dalam *Bāb Ṣalāh al-Jumu‘ah* (Solat Jumaat):²⁴

“(Su’ila rādiy Allāhu ‘anhu) Daripada seorang mendapat ia akan imamnya sudah bangkit daripada rukuk yang keduanya maka luputlah Jumaatnya apa diniatnya Zuhur atau Jumaat maka jika ia niat Jumaat apa faedahnya maka bahwasanya ia wajib atasnya ia *metamāmkan* Zuhurnya (Maka dijawabnya) Wajib ia berniat Jumaat jika ia itu *ahl al-Jumu‘ah* dan jika bukan *ahl al-Jumu‘ah* sunat juga kerana barangkali imam itu lupa pada salah satu daripada dua rakaatnya itu maka bangkit cukupkan maka mengikut ia padanya maka dapat serakaat serta imam maka dapat baginya Jumaatnya maka jika bangkitnya bukan kerana ia tinggalkan rukunnya hanya kerana tersalah atau kerana lupa tiada dapat *masbūq* itu Jumaat(.) Ini yang dimu’tamad oleh Shaykh Ziyādī *khilāf* bagi yang dimu’tamad oleh Shaykh Ibn Ḥajar dan demikian didapat Jumaat dengan didapat serta imam serakaat dan jika bukan rakaat yang pertama dan yang keduanya seperti ia berdiri bagi yang lebih dan jikalau dengan sengajanya seperti barang yang kami nyatakan pada *Sharḥ Irshād* dan lagi katanya pula jikalau berkehendak mengikut dengan orang yang dapat serakaat serta imamnya kemudian daripada salam imamnya ia hendak *tamāmkan* sembahyang datang yang keduanya *masbūq* padanya maka didapatnya pula bagi yang ketiga hingga habis waktunya didapat sekalipun sekalian mereka itu Jumaat(.) *Khilāf* bagi yang dimu’tamad oleh Shaykh Ramlī tiada dapat melainkan orang yang *masbūq* pada imam juga lagi pula yang bukan rakaat yang ia dapat serakaat yang lupa dan yang lebih.”

3. Menjawab hampir keseluruhan daripada 1,302 soalan tanpa menyatakan dalil naqli. Terdapat hanya 10 soalan iaitu sebanyak 0.87 peratus sahaja

²³ Memilih satu-satu pendapat yang berbeza berdasarkan kekuatan dalil. Sila lihat: Jawatan kuasa Istilah Usul-Fiqh (1992), *Glosari Usul-Fiqh*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 17.

²⁴ Terdapat banyak lagi contoh yang sama yang termasuk dalam 73.1 peratus set soalan-jawapan yang terdapat dalam bahagian ‘ibadah.

yang dijawab dengan mengemukakan dalil naqli sama ada daripada al-Quran atau pun al-hadis.²⁵

Semua kaedah umum ini terpakai untuk semua jawapan yang yang diberikan untuk setiap soalan. Namun begitu, kaedah umum ini dapat diperincikan lagi kepada beberapa kaedah yang lebih khusus:

1. Menjawab soalan yang dikemukakan dan menambah persoalan-persoalan lain yang berkaitan dengan soalan yang dikemukakan. Syeikh Daud menggunakan kalimah *far'* (فرع) untuk menunjukkan persoalan-persoalan berkaitan yang ditambah. Contohnya s.1, h. 15 dalam *kitāb Tahārah*:²⁶

“(Su’ila rādiy Allāhu ‘anhu) Apa air yang terlebih afdal air zamzam atau air *al-Kauthar* dan apa sungai yang terlebih afdal? (Maka dijawabnya) Air zamzam itu yang terlebih afdal air pada dunia kemudian daripada air yang keluar daripada antara anak jari nabi Muhammad SAW maka ia terlebih afdal atas *itlāq* bermula air *al-Kauthar* ia afdal air di akhirat dan yang afdal sungai itu maka iaitu Nil Mesir. (*Far'*) harus bersuci dengan air zamzam kerana nabi Muhammad SAW mengambil air sembahyang dengan dia dan menghilangkan najis dengan air zamzam *khilāf al-Aulā* kata *Ziyādī* (*Far'*) kata Shaykh al-Islām pada *Sharh Tanqīh* ia *menaqal* daripada *Imām Bārizī* (bermula) air yang berubah itu tiada sunyi ia ada kalanya bahawa adalah berubahnya itu dengan sendirinya atau berubah dengan suatu yang masuk di dalamnya maka jika ada ia berubahnya itu dengan sendirinya tiada memberi mudarat ubahnya itu dan jika berubah ia dengan masuk suatu tiada sunyi ada kalanya bahawa adalah yang demikian itu suatu itu suci atau najis maka jika ada ia najis maka jadi mutanajis ia dan jika ada ia suatu itu suci maka tiada sunyi ada kalanya bahawa ada ia sebab *mujāwir*²⁷

²⁵ Sila lihat: *Kitāb Tahārah* (s.118, h. 38), *Kitāb al-Ṣalāh* (s.342, h.33), *Kitāb al-Janā'iz* (s.8, h. 151), (s.13, h. 153), (s.38, h. 159), (s.55, h. 163), (s.105, h. 175), (s.134, h. 182) dan (s.85, h. 169), dan *Kitāb al-Atīmah* (s.1, h. 268).

²⁶ Contoh lain: *Kitāb Tahārah* (s. 32,h. 22), (s. 9, h. 23), (s. 107, h. 37), (s. 3, h. 16), (s. 8, h. 17), (s. 26, h. 20-21), (s. 43, h. 23-24), (s. 49, h. 25), (s. 63, h. 27), (s. 66, h. 29), (s. 68, h. 30), (s. 81, h. 32), (s. 95, h.34), (s. 100, h. 35), (s. 133, h. 42), (s. 157, h.47) (s. 170, h. 49), *Kitab al-Ṣalāh* (s. 1, h. 49), (s. 3, h. 51), (s. 20, h. 54), (s. 39, h. 58), (s. 41, h. 60), (s. 43, h. 61), (s. 45, h. 62), (s. 80, h. 68), *Kitāb al-Janā'iz* (s. 20, h. 155).

²⁷ Berhampiran.

atau *mukhālit*²⁸ maka jika ada ia tiada memberi mudarat pada suci menyucikan dengan dia dan jika *mukhālit* tiada sunyi ia ada kalanya bahawa tiada dapat terkaya air itu daripadanya atau dapat terkaya air itu daripadanya maka jika tiada dapat terkaya air daripadanya tiada memberi mudarat dan jika dapat terkaya air daripadanya tiada sunyi ia ada kalanya bahawa sukar ia peliharakan air itu daripadanya atau tiada maka jika adalah sukar memelihara air itu daripadanya tiada sunyi ia ada kalanya ia menegahkan dia *iṭlāq* nama air mutlak atau tiada maka jika menegahkan nama air nescaya memberi mudarat yakni suci tiada menyucikan maka jika tiada yakni tiada menegahkan nama air mutlak maka tiada memberi mudarat yakni suci ia lagi menyucikan dan dihubungkan berubah dengan *qitrān*²⁹ dan *dibāgh*³⁰ yang ditaruh pada *qirbah*³¹ jika tiada mengubah akan nama air tiada memberi mudarat.”³²

2. Memberikan definisi, pengenalan atau penerangan berkaitan sesuatu tajuk sebelum mula menjawab soalan yang dikemukakan. Contohnya dalam *Bāb Salāh al-Jamā'ah*, h. 98:³³

“Ini suatu bab pada menyatakan sembahyang berjemaah maka hakikat jemaah tambatan yang jatuh antara imam dan maknum maka sekurangnya dua orang serta imam memada[i]lah(.) (*Su'ila rādiy Allāhu 'anhu*) Daripada yang mengasingkan dirinya...”

3. Menyatakan pendapat yang bertentangan antara ulama dalam sesuatu persoalan. Contohnya, s.3, h. 267 dalam *kitāb al-Atīmah*:³⁴

²⁸ Bercampur.

²⁹ Titisan cecair.

³⁰ Bahan yang digunakan untuk menyamak kulit binatang.

³¹ Bekas yang dibuat daripada kulit binatang.

³² Frasa yang digariskan bawah di atas adalah keterangan-keterangan tambahan yang berkaitan dengan soalan asal.

³³ Contoh lain: *Bāb Asbāb al-Hasdāth* (h. 21), *Bāb Adāb Qāḍā al-Ḥājah wa al-Istinja'* (h. 25), *Bāb al-Wuḍū'* (h. 27), *Bāb Maṣḥ al-Khuffayn* (h. 31), *Bāb al-Najārah* (h. 32), *Bāb al-Ghusl* (h. 33), *Bāb fī al-Tayammum* (h. 41), *Kitāb al-Ṣalāh* (h. 49), *Bāb al-Adhān* (h. 55), *Bāb al-Istiqbāl* (h. 59), *Bāb Ṣalāh al-Nafl* (h. 92), *Bāb Ṣalāh al-Jamā'ah* (h. 98), *Bāb Ṣalāh al-Musāfir* (h. 110), *Bāb Ṣalāh al-Jumu'ah* (h. 114) dan *Bāb Ṣalāh al-Kusūfayn* (h. 138).

³⁴ Contoh lain: *Kitāb al-Tahārah* (s. 39, h. 23), *Kitāb al-Ṣalāh* (s. 99, h. 73-74), (s. 89, h. 70), (s. 102, h. 74), (s. 120, h. 77), (s. 139, h. 80), (s. 201, h. 91), (s. 226, h. 94), (s. 274, h. 119), (s. 283, h. 121), (s. 327, h. 130), (s. 338, h. 132), (s. 351, h. 135), (s. 352, h. 135), (s. 381, h. 140), (s. 397, h. 144), (s. 407, h. 148), *Kitāb al-Janā'iz* (s. 7, h. 151), (s. 27, h. 156), (s. 29, h. 157), (s. 41, h. 160), (s. 44, h. 160), (s. 59, h. 163), (s. 74, h. 166), (s. 93, h. 172), (s. 97, h. 172), (s. 99, h. 173), (s. 130, h. 181), *Kitāb al-Zakāh* (s. 73, h. 199), (s. 108, h. 206), *Kitāb al-Sawm* (s. 1, h. 211), (s. 3, h. 211-212), (s. 12, h. 213), (s. 38, h. 217), (s. 46, h. 219), (s. 53, h. 220), *Kitāb al-Hajj wa al-*

“(Su’ila radiy Allāhu ‘anhu) Jika orang *muhrim*³⁵ memburu akan belalang dan ikan atau orang Majusi memburu akan keduanya adakah harus dimakan atau tiada (Maka dijawabnya) Maka jika orang *muhrim* memburu belalang haram dimakan dia halal pada ikan dan halal dimakan perburuan Majusi pada belalang atau ikan kerana tiada berkehendak keduanya itu kepada sembelih kata Shaykh Ṭablāwī orang *muhrim* seperti perburuan Majusi boleh dimakan keduanya dan yang dii’timad Shaykh Ṭablāwī jikalau memecahkan telur perburuan atau memburu belalang maka dibunuhnya haram perbuatannya dan halal dimakan yang pecah pada telur dan belalang yang dibunuhnya kata Shaykh Ramlī haram atasnya yang *muhrim* memakan telurnya dan belalangnya yang ia burunya dan telur yang dipecahnya dan halal bagi orang lain memakan keduanya.”

4. Menyatakan pendapat jumhur ulama dan menyatakan juga pendapat yang bertentangan dengan pendapat jumhur ulama itu dalam sesuatu persoalan.

Contohnya, s. 81, h. 69 dalam *kitāb al-Ṣalāh*:³⁶

“(Su’ila radiy Allāhu ‘anhu) Adakah wajib [di]tekankan pada segala anggotanya yang tujuh itu (Maka dijawabnya) yang *mu’tamadnya* memadailah pada dahi jua tiada wajib yang lain(.) *intahā*(.) Masalah *khilāf* dan Shaykh al-Islām mewajibkan ditekankan pada segala anggotanya yang tujuh itu.”

5. Menjawab soalan dengan mengemukakan pendapat Mazhab Sunni yang Empat iaitu mazhab Syafii, mazhab Hanafi, Maliki, dan Hambali. Contohnya, s. 22, h. 214 dalam *kitāb al-Ṣawm*:³⁷

“(Su’ila radiy Allāhu ‘anhu) Adakah wajib berniat pada tiap-tiap malam atau memada[i]lah diniatkan pada awal malam sehari bulan ia hendak puasa Ramadan sebulan (Maka dijawabnya) Adapun pada mazhab Syafii dan

³⁵ ‘Umrah (s. 23, h. 229), (s. 28, h. 230), (s. 31, h. 231), (s. 48, h. 234-235), (s. 52, h. 235), (s. 58, h. 236), (s. 68, h. 238), (s. 69, h. 239), (s. 85, h. 241-242), (s. 100, h. 244), *Kitāb al-Adḥiyyah* (s. 11, h. 262), (s. 18, h. 263), (s. 27, h. 265), *Kitāb al-At’imah* (s. 2, h. 267), (s. 4, h. 267).

³⁶ Orang yang berihram haji atau umrah.

³⁷ Contoh lain: *Kitāb al-Ṣalāh* (s. 204, h. 92), (s. 226, h. 94), (s. 251, h. 114), (s. 340, h. 132), (s. 373, h. 139), *Kitāb al-Ṣawm* (s. 49, h. 219), *Kitāb al-Hajj wa al-‘Umrah* (s. 120, h. 249), (s. 123, h. 249), (s. 137, h. 252), *Kitāb al-Adḥiyyah* (s. 26, h. 264-265), (s. 31, h. 266), *Kitāb al-Ṣayd wa al-Dhabā’ih* (s. 4, h. 271).

³⁷ Contoh lain: *Kitāb al-Tahārah* (s. 162, h. 47), *Kitāb al-Ṣalāh* (s. 163 , h. 85), (s. 241, h. 113),(s. 409, h. 148), (s. 412, h. 149), *Kitāb al-Zakāh* (s. 47, h. 194), (s. 62, h. 197), (s. 68, h. 198), dan *Kitāb al-Hajj wa al-‘Umrah* (s. 149, h. 254).

Hambali dan Hanafi wajib berniat pada tiap-tiap malam maka jika ia berniat hendak puasa sebulan Ramadan maka memadai pada awal malamnya jua tetapi sunat ia berniat yang demikian itu barangkali ia lupa dapat taklid Imam Maliki yang mengatakan memadai sekali niat awal bulan seperti sunat berniat pada siang hari tatkala lupa berniat pada malamnya supaya ia taklid Imam Abu Hanifah yang mengatakan sah niat pada siang hari maka hendaklah orang yang lupa niat taklid bagi dua mazhab itu adapun diwajibkan niat pada tiap-tiap malam kerana ia ibadah masing-masing sendirinya dan diwajibkan berniat dan jikalau adalah puasa ini *min Bāb al-Tark* sekalipun tatkala maksudnya hendak menahan dan mematahkan nafsu syahwat maka dihubungkan dengan *Bāb al-Fi'l*.”

Sebagai rumusannya, Syeikh Daud mengaplikasikan tiga kaedah umum yang boleh dibahagikan pula kepada lima kaedah khusus dalam menyelesaikan permasalahan fiqh ‘ibadah dalam kitab *Furū‘ al-Masā’il* ini. Kaedah penyelesaian masalah yang digunakan oleh Syeikh Daud ini jelas menunjukkan kefahaman beliau yang mantap terhadap pendapat-pendapat ulama mazhab Syafii sama ada yang disepakati atau yang saling bertentangan. Namun begitu, Syeikh Daud memilih untuk tidak mentarjih mana-mana pendapat ulama.

3.5 KESIMPULAN

Berdasarkan kajian yang telah dibuat, pengkaji dapat menyimpulkan beberapa dapatan seperti berikut:

1. Perbincangan fiqh ‘ibadah dalam *Furū‘ al-Masā’il* adalah komprehensif malah penyusunan dan kandungan tajuk dan subtajuk adalah selaras dengan kitab fiqh yang menjadi rujukan utama dalam fiqh mazhab Syafii.
2. Terdapat empat elemen soalan yang dikemukakan dalam bahagian fiqh ibadah dalam *Furū‘ al-Masā’il* iaitu elemen pelik dan luar biasa, elemen sejarah, elemen mistik dan elemen futuristik.

3. Dalam menyelesaikan setiap permasalahan atau soalan yang terdapat fiqh ‘ibadah dalam *Furu‘ al-Masā’il*, Syeikh Daud mengaplikasikan tiga kaedah umum yang dapat dibahagikan pula kepada lima kaedah khusus.
4. Syeikh Daud mempunyai kefahaman yang mendalam terhadap setiap pendapat ulama terutama ulama mazhab Syafii dalam setiap permasalahan fiqh yang dikemukakan. Walau pun demikian, Syeikh Daud memilih untuk tidak mentarjih mana-mana pendapat.